

BAB TIGA : KEDUDUKAN SA'ĪD ḤAWWĀ DALAM AL-IKHWĀN AL-MUSLIMŪN SYRIA

3.1 Latar Belakang Penubuhan al-Ikhwān al-Muslimūn Syria.

3.1.1 Pengasasan al-Ikhwān al-Muslimūn Syria.

Kajian tidak dapat memastikan tarikh yang tepat tentang kemunculan al-Ikhwān al-Muslimūn Syria. al-Ikhwān Syria terbentuk melalui kombinasi beberapa pertubuhan Islam di Syria.¹ Pertubuhan tersebut ialah :

(a) *Jam'iyyah al-Rābiṭah al-Dīniyyah li Syahāb Muḥammad* yang ditubuhkan oleh Abū Sa'ūd 'Abd al-Salām pada tahun 1934 di Ḥims.²

(b) *Dār al-Arqām* yang ditubuhkan di Ḥalab dibawah pimpinan 'Umar Bahā' al-Amīrī³ pada tahun 1937. Dār al-Arqām yang asalnya merupakan kelab kebudayaan dan sukan telah bertukar menjadi Dār al-Syubbān al-Muslimūn.⁴

(c) Cawangan al-Ikhwān Mesir di Ḥamāh yang diasaskan oleh Muḥammad al-Ḥāmid, 'Abd-Allāh al-Ḥallāq, 'Abd al-Ghānī al-Sā'ātī, Munīr Luṭfī, Munīr al-Ḥūrānī dan 'Abd al-Ghānī al-Ḥāmid.⁵

¹ Dr.Umar F.Abd-Allah(1983), *op.cit.*, hal.91, Fathī Yakan(1987), *Islam Fikrah,Harakah dan Perubahan*, Hj.Mohd Tahir Daeng Mengati(terj.), Alor Setar: Pustaka Ikhwan, hal.103, Sa'īd Ḥawwā(1988d), *op.cit.*, hal.42, al-Ḥabīb al-Janḥānī(1989), *op.cit.*, hal.116, R.Hrair Dekmajian (1989), *al-Uṣūliyyah fi al-'Ālam al-'Arabi*, Sa'īd 'Abd al-Wārith(terj.), Kaherah: Dār al-Wafā', hal.164.

² al-Ḥabīb al-Janḥānī(1989), *op.cit.*, hal.116.

³ Beliau dilahirkan di Ḥalab pada tahun 1918. Beliau mendapat pendidikan di Universiti Damsyik dalam bidang undang-undang dan Universiti Serbonne dalam bidang Sastera dan Fiqh Lughah. Beliau pernah mengajar di Universiti Muḥammad al-Khāmis di Pas, Maghribi, *Dār al-Ḥadīth al-Iḥsnīyah*, di Ribāṭ. **Sila lihat:** Yūsuf(1999a), *op.cit.*, j.2, hal.72.

⁴ Fathī Yakan(1987), *op.cit.*, hal.103, Sa'īd Ḥawwā(1988d), *op.cit.*, hal.42.

⁵ Aḥmad al-Jawwād(t.t), al-Mahamid fi al-Sirah al-Syaikh Muḥammad al-Ḥāmid, hal.10, Temubual dengan Dr.Aḥmad al-Jawwād pada 21 Februari 2000.

Pertubuhan-pertubuhan tersebut akhirnya disatukan atas nama *Jam'iyyah al-Ikhwān al-Muslimīn* di antara tahun 1945 dan 1946. Muṣṭafā al-Sibā'ī telah dipilih sebagai *Murāqib al-ʿĀm*, al-Ikhwān al-Muslimūn Syria yang pertama.⁶

3.1.2 Perkembangan Awal al-Ikhwān al-Muslimūn

Jam'iyyah al-Ikhwān al-Muslimīn berkembang dengan cepat dan mengepalai pertubuhan Islam yang lain sejak pilihanraya 1947 sehingga sekarang. Mereka telah melalui pelbagai peringkat dan memberi kesan kepada perkembangan politik di Syria.⁷ Pada peringkat awal penubuhan, al-Ikhwān al-Muslimūn Syria di bawah pimpinan Muṣṭafā al-Sibā'ī telah melaksanakan program-program seperti :

- (a) Membentuk *al-Lujnah al-Markaziyyah al-ʿulyā*.
- (b) Menerbitkan risalah berkaitan pergerakan yang bertajuk: *Ahdāfinā wa Mahādīunā* (Matlamat dan Prinsip Kami) pada tahun 1945.
- (c) Gerakan menentang *French Mandate* pada tahun 1945.
- (d) Mengasaskan organisasi *Iʿutuwwah* pada Ogos 1946.⁸ Organisasi tersebut berfungsi sebagai satu *mukhayyam* besar untuk melatih anggotanya menggunakan senjata di samping aktiviti lain seperti sukan dan kebudayaan.
- (e) Menubuhkan sekolah-sekolah di setiap *muḥāfaẓah* serta mengadakan kelas-kelas malam.

⁶ Dr. Umar F. Abd-Allah (1983), *op.cit.*, hal. 91, Fathi Yakan (1987), *op.cit.*, hal. 103, Sa'īd Hawwā (1988d), *op.cit.*, hal. 42, al-Ḥabīb al-Janḥānī (1989), *op.cit.*, hal. 116, R. Hrair Dekmajian (1989) *op.cit.*, hal. 164.

⁷ al-Ḥabīb al-Janḥānī (1989), *op.cit.*, hal. 115.

⁸ al-Ḥabīb al-Janḥānī (1989), *op.cit.*, hal. 116.

(f) menyediakan khidmat kesihatan terutamanya di kawasan-kawasan kampung dan kediaman terpencil.

(g) Menerbitkan beberapa akhbar seperti :

-*al-Manār* dan *al-Liwā* sebagai akhbar harian.

-*al-Syihāb* sebagai akhbar mingguan.⁹

Pada tahun 1948, al-Ikhwān turut berjuang mempertahankan Palestin dalam Peperangan Islam-Yahudi 1948.¹⁰

Mustafā al-Sibā'ī menggambarkan al-Ikhwān dalam tempoh ini dengan menyebut :

“Pergerakan kita bukanlah satu persatuan atau parti politik tetapi merupakan gerakan kerohanian yang diterima oleh manusia sejagat. Ia merupakan satu revolusi baru.”¹¹

3.2 Perkembangan al-Ikhwān al-Muslimūn Syria di Era Sa'īd Hawwā

3.2.1 Zaman Rampasan Kuasa(1949-1954)

Sepanjang tempoh 1949-1954, Syria berdepan dengan kegawatan politik khususnya selepas peristiwa penguasaan Yahudi di Palestin. Setiap pihak menuding jari menyalahkan antara satu sama lain berhubung peristiwa yang berlaku di Palestin. Pada masa yang sama, pemerintah dituduh dengan pentadbiran yang lemah kerana mengamalkan rasuah dan penyelewengan.

⁹ Adnān Sa'd al-Dīn(1998), *op.cit.*, hal.5-6.

¹⁰ Fathi Yakan(1987), *op.cit.*, hal.104, Sa'īd Hawwā(1988d), *op.cit.*, hal.42.

¹¹ Dr. Umar F. Abd- Allah(1983), *op.cit.*, hal. 21. R. Hrair Dekmejian(1989), *op.cit.*, hal.164.

Situasi di atas telah memberi peluang kepada Amerika untuk campur tangan dalam pergolakan politik Syria.¹²

Pada 30 Mac 1949, penggulingan kuasa yang pertama berlaku dalam sejarah Syria moden. Ḥusnī al-Zaʿīm yang merupakan *Qā'id al-Jaysy al-Sūrī* (Ketua tentera Syria) telah mengumumkan dirinya sebagai presiden Syria yang baru. Kedudukan beliau sebagai presiden mendapat pengiktirafan daripada kerajaan Mesir dan Arab Saudi.¹³

Dalam berdepan dengan senario politik semasa, al-Ikhwān bercita-cita membentuk sebuah kerajaan baru. Pada 9 April 1949, mereka telah menulis *mudhakkarah*(kenyataan) yang menjelaskan situasi negara dan mengemukakan penyelesaian kepada kegawatan yang sedang dihadapi. Namun usaha al-Ikhwān tidak berhasil kerana polisi pemerintah yang menekan gerakan Islam.¹⁴

Lima bulan selepas rampasan kuasa pertama, iaitu pada Ogos 1949, rampasan kuasa kedua dilakukan oleh Sāmī al-Ḥinnāwī.¹⁵ Penggulingan kuasa yang bertujuan menyokong penyatuan Syria dengan Iraq ini mendapat sokongan

¹² al-Ḥabīb al-Janḥānī(1989), *op.cit.*, hal.117.

¹³ Zahrīyyah Qaddūrah(1985), *op.cit.*, hal.267.

¹⁴ al-Ḥabīb al-Janḥānī(1989), *op.cit.*, hal. 118.

¹⁵ Beliau ialah Muḥammad Sāmī Ḥilmī al-Ḥinnāwī. Beliau dilahirkan di Halab pada tahun 1898. Beliau mendapat pendidikan di *Madrasah Dār al-Mu'allimīn*, Damsyik(1916), *Madrasah al-'Askariyyah* di Istanbul dan *al-Madrasah al-Ḥarbiyyah*, Damsyik (1918-1919). Beliau pernah terlibat dalam Perang Dunia I dan Perang Islam-Yahudi(1948). Adib al-Syiskālī yang telah melakukan rampasan kuasa telah memenjarakan beliau. Setelah dibebaskan beliau berhijrah ke Beirut. Di sini beliau dibunuh oleh Muḥammad bin Aḥmad bin Harsy pada 30 Oktober 1950. Jenazah beliau dikebumikan di Damsyik. Sila lihat: al-Ziraklī(1984), *op.cit.*, j.6, hal.135.

British.¹⁶ Sekali lagi al-Ikhwān mengubah strategi pergerakan. Mereka bekerjasama dengan pertubuhan lain menjalankan aktiviti politik melalui *al-Jabha al-Islāmiyyah al-Isytirākīyyah*. Pemimpin al-Ikhwān telah menyertai pilihanraya November 1949 di atas nama gerakan ini.¹⁷

Hanya beberapa minggu sahaja setelah selesainya pilihanraya 1949, Kolonel Adīb al-Syiskālī¹⁸ yang pro Amerika melakukan penggulingan kuasa yang ketiga iaitu pada 19 Disember 1949.¹⁹

Pada musim panas tahun 1951, apabila golongan pekerja membuat rusuhan di Ḥalab, Ḥimş dan Damsyik, al-Ikhwān al-Muslimūn turut campur tangan dalam tuntutan golongan pekerja. Wakil parlimen *al-Jabha al-Islāmiyyah al-Isytirākīyyah* telah memberi sokongan kepada Akram al-Ḥūrānī dan perwakilan *Ḥizb al-Ba'th al-'Arabī* di dalam mewartakan *Qānūn Taḥdīd al-Mulkiyyah al-Zirā'iyyah* (Kanun Pemilikan Tanah Pertanian).²⁰

¹⁶ Dr. Umar F. Abd-Allah (1983), *op.cit.*, hal.51.

¹⁷ Dr. Umar F. Abd-Allah (1983), *op. cit.* hal. 115.

¹⁸ Beliau ialah Adib bin Ḥasan al-Syiskālī. Beliau dilahirkan di Ḥamāh dan mendapat pendidikan di *Madrasah al-Zirā'iyyah*, Sulamiyah. Pada tahun 1945, beliau menyertai peperangan membebaskan Syria daripada penjajahan Perancis. Pada peringkat awal beliau bersama Ḥusnī al-Za'im tetapi beliau kemudiannya disingkirkan pada tahun 1949 kerana perselisihan pendapat. Pada zaman pemerintahan al-Ḥinnāwī beliau dilantik sebagai ketua tentera. Selepas melakukan rampasan kuasa (tahun 1949 dan tahun 1951), beliau meninggalkan Syria pada tahun 1953 dan menetap di beberapa negara seperti Arab Saudi (1954-1957), Perancis (1957-1960) dan akhirnya di Brazil. Beliau meninggal dunia di Brazil kerana dibunuh. Sila lihat: al-Ziraklī (1984), *op.cit.*, j. 1, hal.285-286.

¹⁹ Dr. Umar F. Abd-Allah (1983), *op.cit.*, hal.51, al-Ḥabīb al-Janḥānī (1989), *op.cit.*, hal. 118.

²⁰ al-Ḥabīb al-Janḥānī (1989), *op.cit.*, hal. 118.

3.2.2 Zaman Pemerintahan Demokrasi(1954 -1963)

Kolonel Adib al-Syiskali terus memerintah Syria sehinggalah satu gerakan penentangan oleh pihak tentera bermula di sebelah utara Syria pada 25 Februari 1954. Penentangan tersebut menyebabkan Kolonel Adib al-Syiskali meletakkan jawatan dan meninggalkan Syria.²¹ al-Ikhwan al-Muslimun sekali lagi bergerak cergas selepas kejatuhan kerajaan Adib al-Syiskali. Mereka meneruskan pergerakan walaupun belum ada undang-undang rasmi di Syria. Syria berada dalam keadaan tanpa undang-undang sehinggalah pilihanraya baru diadakan dan Syukri al-Qutli sekali lagi dilantik menjadi presiden pada 16 September 1955.²² Berdasarkan pengalaman menghadapi cabaran dan tribulasi yang lalu, pucuk pimpinan gerakan al-Ikhwan mengubah strategi politik. Mereka mengeluarkan satu kenyataan yang menyebut:

- (a)al-Ikhwan al-Muslimun bersedia memberi kerjasama dengan mana-mana pemerintah yang iltizam dengan Islam.
- (b)Mengkritik penyelewengan, keruntuhan akhlak dan menyatakan bahawa Islam adalah dakwah, kerajaan dan perlembagaan.
- (c)Mengumumkan tidak turut serta dalam pilihanraya dan kerajaan serta membuat keputusan untuk menumpukan kepada aspek tarbiah.²³

Dalam pilihanraya yang diadakan pada musim panas tahun 1954, al-Ikhwan al-Muslimun tidak menghantar seorang calon pun untuk bertanding. Muhammad al-Mubarak, salah seorang pemimpin al-Ikhwan pada waktu itu tidak sependapat dengan al-Ikhwan al-Muslimun telah bertindak keluar daripada al-Ikhwan. Beliau telah menyertai pilihanraya 1954 atas tiket calon bebas.²⁴

²¹ Zahiyah Qaddurah(1985), *op.cit.*, hal.268.

²² *Ibid*, al-Habib al-Janhani(1989), *op.cit.*, hal.119.

²³ *Ibid*.

²⁴ Dr.Umar F.Abd-Allah(1983), *op.cit.*, hal.100, Sa'id Hawwa(1988d), *op.cit.*, hal.52-53.

Pada 1957, Muṣṭafā al-Sibā'ī meletakkan jawatan sebagai *Murāqib al-Ām* disebabkan masalah kesihatan dan tekanan politik. Kepimpinan al-Ikhwān al-Muslimūn Syria diambil alih oleh 'Iṣām al-'Aṭṭār.²⁵

Kedudukan al-Ikhwān Syria yang stabil antara 1954-1958 berubah apabila mereka berdepan dengan tekanan pada zaman 'al-Wilḥdalī (1958-1961). Jamal 'Abd al-Nāṣir mengamalkan dasar pembubaran parti politik. al-Ikhwān Syria terpaksa akur dengan dasar tersebut. Mereka menjalankan aktiviti secara sulit.²⁶

Pada 1961, penyatuan antara Mesir dan Syria berakhir. Keadaan ini memberi peluang kepada al-Ikhwān Syria bergerak secara bebas. Mereka menyertai pilihanraya yang diadakan pada Disember 1961 di bawah pimpinan 'Iṣām al-'Aṭṭār. Dalam pilihanraya tersebut mereka memperolehi kejayaan yang memhanggakan apabila memenangi 10 kerusi.²⁷

3.2.3 Zaman Pemerintahan Ba'th (Sebelum Ḥafiz al-Asad 1963-1971)

Ḥizb al-Ba'th al-Isytirākī mula menerajui pemerintahan Syria mulai 8 Mac 1963 melalui rampasan kuasa yang dilakukan oleh Ziyād al-Ḥarīrī. Pemerintahan Ba'th mengamalkan dasar menekan gerakan Islam. Sejak 1963 sehingga ke saat penulisan kajian ini. al-Ikhwān menghadapi cabaran dan tribulasi

²⁵ Dr. Umar F. Abd- Allah (1983), *op.cit.*, hal. 101.

²⁶ Sa'īd Ḥawwā (1988d), *op.cit.*, hal. 54-55, al-Ḥabīb al-Janḥānī (1989), *op.cit.*, hal. 119.

²⁷ Fathi Yakan (1987), *op.cit.*, hal. 42, Sa'īd Ḥawwā (1988d), *op.cit.*, hal. 43, al-Ḥabīb al-Janḥānī (1989), *op.cit.*, hal. 119-120.

yang tidak dilalui sebelumnya. *Murāqib al-ʿĀm* 'Iṣām al-ʿAṭṭār sendiri terpaksa meninggalkan Syria. Beliau dibenarkan untuk menunaikan haji di Mekah dengan syarat tidak kembali ke Syria. Beliau menetap di Athen, Jerman.²⁸

Era pemerintahan *Ḥizb al-Baʿth al-Isytirākī* menyaksikan tragedi demi tragedi yang tidak diketahui penghujungnya. al-Ikhwān mula membuat penentangan bersenjata. Konfrontasi pertama ialah melalui tragedi berdarah di Jāmiʿ al-Ṣulṭān 1964. Tragedi ini berpunca dari sikap pihak pemerintah yang bertindak menyentuh kesucian Islam menyebabkan golongan muda al-Ikhwān mogok di Jāmiʿ al-Ṣulṭān menuntut kerajaan mengubah pendirian.²⁹

Pada tahun 1965 berlaku tragedi Damsyik dan tragedi Ḥimṣ apabila pemerintah mencerooh masjid seperti yang berlaku di masjid al-Umawī di Damsyik, masjid Khālid bin al-Wālid di Ḥimṣ dan masjid al-Ṣulṭān di Ḥamah. Kemudian suasana politik reda seketika apabila berlakunya diplomasi antara pemerintah dan al-Ikhwān.³⁰

Pada tahun 1969, al-Ikhwān Syria menghadapi krisis dalaman apabila mereka berpecah kepada dua kumpulan iaitu penyokong 'Iṣām al-ʿAṭṭār dan pengikut 'Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah. Sentimen perpecahan bermula pada 1968 apabila timbulnya perbezaan pendapat dari sudut metod dan kepimpinan. Sejak 1963, 'Iṣām al-ʿAṭṭār yang mengepalai kepimpinan terus menggerakkan al-

²⁸ Dr Umar F. Abd-Allah (1983), *op.cit.*, hal. 101.

²⁹ Saʿīd Ḥawwā (1988d), *op.cit.*, hal. 78.

³⁰ Adnan Saʿd al-Dīn (1998), *op.cit.*, hal. 14.

Ikhwān melalui pendekatan diplomasi tanpa memberi reaksi kepada tuntutan golongan agresif yang inginkan perubahan dalam metod dan objektif organisasi. Mereka mahu al-Ikhwān berdepan dengan pemerintah menggunakan pendekatan konfrontasi bersenjata. Krisis kepimpinan 1969 menyebabkan wujudnya dua organisasi al-Ikhwān Syria dan ia tidak selesai sehingga tertubuhnya *al-Jabha al-Islāmiyyah* pada tahun 1981.³¹

3.2.4 Zaman Pemerintahan Ba'th(Hafiz al-Asad 1971-2000)

Pada 13 November 1971, Hafiz Asad melakukan rampasan kuasa. Pada tahun yang sama beliau dilantik menjadi presiden Syria yang pertama bukan daripada kalangan sunni. Beliau mengumumkan polisi politiknya yang bersikap terbuka terhadap dunia Arab.³² Pemerintahan Asad berjalan dengan baik sehinggalah pada tahun 1973, rakyat mula memprotes tindakan kerajaan yang cuba mengubah perlembagaan negara berasaskan fahaman sekular.³³

Selepas krisis perlembagaan 1973, keadaan di Syria adalah stabil sehinggalah konflik al-Ikhwān dan rejim Asad bermula pada tahun 1976.³⁴ Konfrontasi bersenjata terhadap kerajaan berlaku akibat rasa tidak puas hati terhadap rejim. Berdasarkan analisis penulis terdapat dua faktor utama yang

³¹Dr. Umar F. Abd-Allah(1983), *op.cit.*, hal. 108.

³²Dr. Umar F. Abd-Allah(1983), *op.cit.*, hal. 64, Zahiyyah Qaddūrah(1985), *op.cit.*, hal. 370.

³³ Adnān Sa'd al-Dīn(1998), *op.cit.*, hal. 15. Sekularisme ialah fahaman falsafah yang memisahkan urusan-urusan keduniaan dari urusan-urusan agama. Ia meninggalkan peranan agama dan tuhan dari segala urusan kehidupan manusia. **Sila lihat:** Sulaiman Noordin(1997), *Sejarah Pemikiran / Sumber Ilmu, Perbandingan Ideologi dan Order Baru Dunia*, Bangi : Pusat Pengajian Umum, UKM, hal. 100.

³⁴ Sa'id Hawwā(1988d), *op.cit.*, hal. 134, Adnān Sa'd al-Dīn (1998), *op.cit.*, hal. 22.

mendorong mereka melakukan penentangan terhadap rejim Asad iaitu penyelewengan pentadbiran dan kenyataan yang menyentuh kesucian Islam.

Berdasarkan risalah yang diterbitkan oleh al-Ikhwān Syria, penentangan dilakukan kerana pentadbiran rejim Asad yang tidak telus terutama dalam aspek pendidikan, ekonomi dan politik.

Rejim Asad telah mengamalkan polisi pendidikan yang membangkitkan kemarahan al-Ikhwān iaitu memasukkan prinsip kekufuran³⁵ dan atiesme dalam sukatan pelajaran.³⁶ Mereka memasukkan kajian yang mengagungkan gerakan yang sesat seperti al-Qarāmiṭah.³⁷ Rejim Asad juga merancang untuk menutup sekolah-sekolah agama, mewajibkan *Nizām al-Talāī wa al-Syabīhah* yang merosakkan akidah serta akhlak remaja melalui *mu'askarāt* (perkhemahan) yang tidak menjaga batasan agama dan akhlak.³⁸

Penyelewengan Asad dalam aspek ekonomi pula ialah penyalahgunaan sumber negara dan pengamalan budaya kronisme. Rifāt al-Asad, adik kepada Asad dan keluarganya telah menyeleweng perbendaharaan negara dengan

³⁵ Mumārasat al-Nizām fī Muwājahah wa Ba'd al-Rudūd al-Sya'biyyah (t.t, T.T.P) : Mansyūrāt Maktab al-Ilām li Jamā'ah al-Ikhwān al-Muslimin fī Sūriyah, hal.5.

³⁶ Adnān Sa'd al-Dīn (1998), *op.cit.*, hal.62.

³⁷ *al-Qarāmiṭah* ialah mazhab syiah yang berpecah dari mazhab al-Isma'īliyyah atas sebab politik dan beberapa perselisihan dari sudut kepercayaan. Mereka berpegang dengan aqidah *al-hulūl wa al-ittiḥād* dengan mengatakan bahawa roh Allah bersatu dengan imam-imam mereka. *al-Qarāmiṭah* muncul pada pertengahan kedua kurun ke-3 H di kawasan Yaman, Utara Iraq dan Bahrain dan berkembang di kawasan padang pasir. Mereka membuat penentangan terhadap kerajaan Abbasiyah. Sila lihat : (1) Mahmūd Syākīr (1979), *al-Qarāmiṭah*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, (2) Zaqqūq et al. (2001), *op.cit.*, hal. 1128-1130.

³⁸ Adnān Sa'd al-Dīn (1998), *op.cit.*, hal.65. Mumārasat al-Nizām fī Muwājahah wa Ba'd al-Rudūd al-Sya'biyyah (t.t), *op.cit.*, hal.5.

mengagihkannya kepada kaum keluarganya serta menyimpan di bank-bank luar negara. Gejala rasuah juga berleluasa dalam pemberian projek-projek kerajaan.³⁹

Dalam aspek pemerintahan pula Asad mengamalkan polisi menyekat kebebasan berfikir dan berpolitik. Sebarang bentuk pertubuhan politik dilarang sama sekali. Dominasi parti Ba'th dalam pemerintahan serta penguasaan puak 'Alawi dan keluarga Asad dalam parti al-Ba'th dan *Majlis al-Sya'b* ketara sekali.⁴⁰ Selain itu rejim Asad turut mengongkong masyarakat dengan undang-undang darurat sejak 1963. Bermula 8 Mac 1963, warganegara Syria dibelenggu dengan perintah berkurang sehingga ke saat penulisan ini.⁴¹

Rejim Asad turut melakukan tindakan serta mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menyentuh kesucian Islam dan telah membangkitkan kemarahan masyarakat khususnya al-Ikhwān seperti:

(a) Pada tahun 1978, pemerintah menimbulkan kontroversi apabila mereka melukis pada duit syiling Syria obor dan api yang tertulis *lafz al-Jalālah* dan di belakangnya tertulis perkataan 'Alī.

(b) Pada Jun 1980, lebih 100 buah masjid diceroboh pada waktu malam. Tentera telah mengoyak dan memijak Al-Quran dan buku-buku agama. Mereka juga mengebom beberapa buah masjid di Damsyik, Halab, Hims dan Hamah.

³⁹ *Mumārasat al-Nizām fī Muwājahah wa Ba'd al-Rudūd al-Sya'biyyah* (t.t, T.T.P) : Mansyūrāt Maktab al-I'lām li Jamā'ah al-Ikhwān al-Muslimīn fī Sūriyah, hal. 5-6.

⁴⁰ *Mumārasat al-Nizām fī Muwājahah wa Ba'd al-Rudūd al-Sya'biyyah* (t.t, T.T.P) : Mansyūrāt Maktab al-I'lām li Jamā'ah al-Ikhwān al-Muslimīn fī Sūriyah, hal. 8-9.

⁴¹ Syrian Human Rights Committee: *al-Qawānīn al-Qam'iyyah fī Sūriyah*, <http://www.shrc.org/arabic/law2.htm>. 27 Ogos 2003.

(c) Pada Oktober 1981, wanita-wanita dipaksa membuka tudung di jalan-jalan di Damsyik oleh *Maṣallayāt Sarāyā al-Difā'*.

(d) Pada 16 Februari 1980, Majalah *al-Fursān* bil.127 yang merupakan lidah rasmi *Sarāyā al-Difā'* yang dipimpin oleh Rifā't al-Asad menyebut :

((أُرِيدُ مِنْ حُكَّامِ الْعَرَبِ أَنْ يَفْهَمُوا مِنْ سُورِيَا كُلِّ شَيْءٍ... وَلِيَجْعَلُوا مِنَ الرَّفِيقِ الْأَسَدِ قِبْلَةً سِيَاسِيَّةً يَعْبُدُونَهَا بَدَلًا مِنَ الرُّكُوعِ أَمَامَ أَوْثَانِ الْإِسْلَامِ))

"Saya mahu pemimpin Arab memahami semua perkara tentang Syria....mereka perlu jadikan al-Rafiq Asad kiblat politik yang disembah sebagai ganti rukuk dihadapan berhala Islam."⁴²

Tindakan-tindakan ini telah menyebabkan al-Ikhwān dan masyarakat awam bangkit melakukan konfrontasi terhadap pemerintah. Di antara tahun 1976 hingga 1979, beberapa individu daripada kalangan 'Alawī yang merupakan penyokong kuat rejim Asad terkorban seperti Kolonel 'Alī Ḥaydar dibunuh pada Oktober 1976, Brigedier 'Abd al-Ḥamīd Ruzzuq, Komando Pasukan Peluru Berpandu dibunuh pada Jun 1977, Kolonel 'Aḥmad Khalīl dibunuh pada Ogos 1978, 'Ādil Mini dibunuh pada April 1979, Dr.Muḥammad Syahdah, pakar neurologi yang merupakan doktor peribadi Asad dibunuh pada Ogos 1979 dan ramai lagi.⁴³

Penindasan yang dilakukan oleh rejim Asad juga menyebabkan pertubuhan-pertubuhan profesional memberi sokongan kepada al-Ikhwān dan berkonfrontasi dengan pemerintah. Pada 22 Jun 1978, *Niqābāt Muḥāmīn Dimasyq*

⁴² "Jarīmah al-Qarn fī Dhikrā Ma'sāh Ḥamāh al-Sādisah 'Asyrah", *Risālah al-Fidā'*, bil.3, Februari 1998, hal.33-35.

⁴³ Patrick Seale(1988), *op.cit.*, hal.316-317.

mengeluarkan resolusi *qarar raqam 1* memprotes pemerintah. Mereka menuntut supaya rejim Asad mengembalikan demokrasi, kebebasan serta mematuhi undang-undang antarabangsa hak asasi manusia. Susulan daripada itu, al-Ikhwān telah mengeluarkan satu proklamasi memuji dan mengucapkan terima kasih kepada *Niqābāt al-Muḥāmin* di atas kelantangan mendedahkan penindasan kerajaan serta sikap berani mereka mengisytiharkan kerjasama dengan al-Ikhwān dalam membanteras kezaliman.⁴⁴

Pada Mac 1980 satu demonstrasi secara besar-besaran berlaku. Bermula pada 1 Mac mogok berlaku di Ḥalab, Ḥamāh, Idlib, Ḥimṣ, al-Lādhikiyyah, Tartūs dan akhirnya sampai ke Damsyik. Mogok umum tersebut berterusan selama dua minggu di beberapa tempat.⁴⁵ Pihak pemerintah cuba meredakan keadaan tetapi gagal. Beberapa tahanan dibebaskan, namun begitu pada waktu yang sama Asad mengarahkan pegawai keselamatan melakukan penangkapan dan pembunuhan yang dirahsiakan.

Sebagai reaksi terhadap rejim Asad, al-Ikhwān dengan sokongan ulama, mahasiswa dan pertubuhan-pertubuhan profesional telah melakukan mogok umum pada 31 Mac 1980. Pada tarikh tersebut mereka berdemonstrasi dan menghentikan aktiviti rasmi. Penduduk Syria bersatu menentang Rejim Asad di semua bandar Syria kecuali Damsyik.⁴⁶

⁴⁴ Dr. Umar F. Abd-Allah(1982), *op.cit.*, hal.112.

⁴⁵ Dr. Umar F. Abd-Allah(1982), *op.cit.*, hal.112, *Mumārasat al-Nizām fī Muwājahah wa Ba'd al-Rudūd al-Sya'biyyah* (t.t), T.T.P : Mansyūrāt Maktab al-Ilām li Jamā'ah al-Ikhwān al-Muslimin fī Sūriyah, hal.13.

⁴⁶ Dr. Umar F. Abd -Allah(1982), *op.cit.*, hal.112-113.

Pada 26 Jun 1980, Asad sendiri berdepan dengan cubaan untuk dibunuh. Insiden tersebut berlaku ketika Ḥāfiẓ Asad menanti ketibaan delegasi Afrika di pintu masuk *Qasr al-Diyāfah*. Pengawal peribadi Asad iaitu Khālīd al-Ḥusayn terkorban dalam insiden tersebut.⁴⁷

Penentangan yang hebat telah menyebabkan Asad mengisytiharkan Akta 49. Akta yang diwartakan pada 7 Julai 1980 menyatakan bahawa setiap mereka yang menganggotai al-Ikhwān akan dijatuhkan hukuman mati.⁴⁸ Melalui akta ini, Ḥāfiẓ Asad bermaharajalela melakukan penindasan terhadap rakyat. Rejim Asad telah menangkap beribu-ribu tahanan politik tanpa bicara.⁴⁹ Rejim Asad juga bertindak melakukan beberapa siri pembunuhan secara beramai-ramai dilakukan seperti *Majzarah Sijn Tadmur* yang mengakibatkan kematian 700 jiwa dan kebanyakan mereka adalah daripada kalangan anggota al-Ikhwān. *Majzarah Jisr al-Syughūr* pada 9 Mac 1980⁵⁰, *Majzarah Sarmadā* pada 25 Julai 1980⁵¹, *Majzarah Ḥayy Hanānū*, Ḥalab pada 11 Ogos 1980⁵² dan *Majzarah Sāḥah al-‘Abbāsīyyīn*, Damsyik pada 18 Ogos 1980.⁵³

⁴⁷ Patrick Seale(1988), *op.cit.*, hal.328-329.

⁴⁸ Dr. Umar F. Abd-Allah(1982), *op.cit.*, hal.84, R.Hrair Dekmejian(1989), *op.cit.*, hal.169, ‘Adnān Sa’d al-Dīn (1998), *op.cit.*, hal.53.

⁴⁹ Syrian Human Rights Committee : 35 ‘Āmā min Ghiyāb al-Ḥurriyyat al-Insāniyyah wa al-Asāsiyyah, [http:// www.shrc.org/arabic/index.htm/ communications/report1998/archive1998.htm](http://www.shrc.org/arabic/index.htm/communications/report1998/archive1998.htm), 27 Ogos 2003.

⁵⁰ Sila lihat: *Majzarah Tadmur al-Kubrā ‘Alā Lisān Munāfidhihā* dalam Muḥammad Salīm Ḥammād(t.t), *Tadmur Syāhid wa Masyhūd*, Kaherah: al-Zahrā’ li A’lām al-‘Arabi, hal.213-229.

⁵¹ *Ilamāh Ma’sah al-‘Aṣr*(t.t), T.T.P: Maktab al-‘I’lām Jamā’ah al-Ikhwān al-Muslimīn, hal.22, *Majzarah Ilamāh*, al-Qiṣṣah al-Ḥaqīqīyyah bi al-Asmā’ wa al-Waqā’i’ wa al-Arḳām wa al-Ṣuwwār li Akbar Majzarah fī al-‘Aṣr al-Ḥadīth(t.t), T.T.P.: Mansyūrāt al-Taḥāluf al-Waṭanī li Taḥrīr Sūriyyah, hal.160.

⁵² *Ibid.*

⁵³ *Ibid.*

Klimaks pertembungan rejim Asad dengan al-Ikhwān ialah tragedi Ḥamāh 1982. Tragedi yang berlaku selama hampir satu bulan (2 Februari-28 Februari 1982) telah menyebabkan kematian berpuluh ribu orang.⁵⁴ Tragedi Ḥamāh juga mengakibatkan kemusnahan 48 buah masjid, 5 buah gereja dan beberapa buah bangunan bersejarah yang termasuk dalam kesan sejarah yang tercatat dalam UNESCO.⁵⁵

Selepas tragedi Ḥamāh, al-Ikhwān membuat penilaian terhadap kejadian-kejadian yang berlaku sebelum ini. Mereka membuat keputusan menghentikan sebarang bentuk penentangan bersenjata terhadap rejim Asad. Mereka mengambil pendirian berdepan dengan rejim Asad menggunakan pendekatan diplomasi. Keputusan tersebut diambil dalam tiga mesyuarat *Maktab al-Irsyād* yang diadakan selepas tragedi Ḥamāh.⁵⁶

3.3 Penglibatan Awal Sa'īd Ḥawwā Dalam al-Ikhwān Syria

3.3.1 Pemimpin Pelajar al-Ikhwān al-Muslimūn Ḥamāh

Penglibatan awal Sa'īd Ḥawwā dalam al-Ikhwān al-Muslimūn bermula sejak beliau menuntut di *Thānawīyyah Abū al-Fidā'*. Ketika itu beliau belajar di tahun pertama *Thānawīyyah*.⁵⁷ Beliau memulakan penglibatannya dengan

⁵⁴ 'Adnān Sa'd al-Dīn (1998), *op.cit.*, hal.78, Temuramah penulis dengan Dr.Aḥmad al-Jawwād pada 13 Mac 2000.

⁵⁵ 'Adnān Sa'd al-Dīn (1998), *op.cit.*, hal.76.

⁵⁶ Sa'īd Ḥawwā (1988d), *op.cit.*, hal.148.

⁵⁷ Sa'īd Ḥawwā (1988d), *op.cit.*, hal.27, Temubual penulis dengan Fāris al-Millī pada 29 April 2000.

mengikuti usrah yang dipimpin oleh Muṣṭafā al-Ṣayrāfī.⁵⁸ Di samping itu, beliau bersama-sama pemuda al-Ikhwān yang lain mengikuti kelas *tafaqquh* yang disampaikan oleh syaikh Muḥammad al-Ḥāmid yang diadakan di *Markaz al-Ikhwān al-Muslimūn*.⁵⁹ Dr. Aḥmad al-Jawwād menceritakan penyertaan awal Sa'īd Ḥawwā dan rakan-rakannya dalam al-Ikhwān al-Muslimūn:

“Pada tahun 1950 sayaikh menyertai gerakan dakwah di *Jāmi' al-Nūrī*. Ketika itu kami jauh lebih muda daripada mereka. Kami melihat Sa'īd Ḥawwā dan beberapa rakannya yang lain seperti Ḥassan 'Uṣfūr, Marwān Ḥadid dan teman-teman yang lain di masjid. Kami melihat dan mengagumi mereka dan bercita-cita untuk mengikut jejak langkah, meniru personaliti dan amal ibadat mereka. Kami sebagai generasi selepas mereka menganggap mereka sebagai ikutan yang baik.”⁶⁰

Kedudukan Sa'īd Ḥawwā di dalam al-Ikhwān bermula sebagai anggota usrah. Beliau kemudiannya diberi kepercayaan menjadi naqib usrah dan *Nāib Mas'ūl* di *Thānawīyyah Ibn Rusyd*. Sa'īd Ḥawwā terus memimpin gerakan al-Ikhwān di kalangan pelajar sehingga beliau dilantik sebagai ketua perwakilan pelajar Ḥamāh. Semasa memegang amanah ini, beliau dan teman-temannya bersemangat dengan pemikiran jihad. Mereka menubuhkan pasukan bersenjata walaupun barisan kepimpinan al-Ikhwān al-Muslimūn tidak bersetuju dengan pendekatan agresif. Pasukan tersebut berperanan mencegah kemungkaran yang berlaku di Ḥamāh. Mereka berjaya membanteras pesta lagu dan tari-menari.⁶¹

⁵⁸ Sa'īd Ḥawwā (1988d), *op.cit.*, hal.28.

⁵⁹ Sa'īd Ḥawwā (1988d), *op.cit.*, hal.32.

⁶⁰ Temubual penulis dengan Dr. Aḥmad al-Jawwād pada 21 Februari 2000.

⁶¹ Sa'īd Ḥawwā (1988d), *op.cit.*, hal.29.

Sa'īd Ḥawwā tidak seperti anak-anak muda yang lain. Beliau cepat matang dalam tindak-tanduknya. Semasa menjadi perwakilan pelajar, beliau mengetahui demonstrasi politik di Ḥamāh. Beliau menjadi jurucakap pelajar.⁶² Berdasarkan catatan peribadi Sa'īd Ḥawwā, beliau mengetahui tiga demonstrasi pelajar. Demonstrasi pertama yang diketuainya ialah sempena al-Ikhwān memasukkan *Nizām al-Futuwwah*⁶³ ke sekolah. Kali kedua adalah demonstrasi menentang hukuman gantung yang dikenakan ke atas enam orang al-Ikhwān di Mesir pada tahun 1956.⁶⁴ Semasa demonstrasi ini, bakat kepimpinan terserlah dalam diri Sa'īd Ḥawwā. Fāris al-Millī menyebut:

“...Saya masih ingat semasa enam orang penyokong al-Ikhwan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati, beliau telah memimpin demonstrasi yang bermula di *Thānawīyyah Ḥamāh* menuju ke pejabat kerajaan. Di hadapan pejabat beliau berdiri dan memberi ucapan yang membangkitkan semangat orang ramai. Antaranya beliau menyebut :

إِنَّ أَلْفِي قَدْ يَفَّةٌ مِنْ كَلَامٍ لَا تُسَاوِي قَدْ يَفَّةٌ مِنْ حَدِيدٍ

“Sesungguhnya 2000 lontaran kata-kata
tidak menyamai satu lontaran besi”⁶⁵

Demonstrasi ketiga pula ialah demonstrasi menentang Deklarasi *Balfour*.⁶⁶

⁶² Sa'īd Ḥawwā(1988d), *op.cit.*, hal.29, Muhammad Pisol Mat Isa(1.1), *op.cit.*, hal.34

⁶³ *Nizām al-Futuwwah* ialah latihan ketenteraan yang dicadangkan di sekolah menengah.

⁶⁴ Jamāl 'Abd al-Nāṣir yang menjadi presiden Mesir ketika itu telah menjatuhkan hukuman mati terhadap enam orang pemimpin al-Ikhwān Mesir iaitu 'Abd al-Qādir 'Awdah, Muḥammad al-Farghālī, Yūsuf Ṭahla'at, Ibrāhīm al-Ṭayyib, Hindāwī Duwayr dan Maḥmūd 'Abd al-Laṭīf. Mereka dijatuhkan hukuman bunuh kerana tuduhan cuba menggulingkan rejim 'Abd al-Nāṣir. [Sila lihat: Richard Paul Mitchell(1985), *al-Ikhwān al-Muslimūn*, 'Abd al-Wārith Sa'īd(terj.), Kaheerah: Maktabat Madbulī, hal.293.]

⁶⁵ Temubual penulis dengan Fāris al-Millī pada 29 April 2000.

⁶⁶ Sa'īd Ḥawwā(1988d), *op.cit.*, hal.29, Temubual penulis dengan Dr. Ahmad al-Jawwād pada 21 Februari 2000.

Sa'id Hawwā juga merupakan individu yang membawa pemikiran al-Ikhwān ke kampung halamannya, Hayy al-'Aliliyyat. Tindakan tersebut menyebabkan golongan sosialis di kampungnya memujuk dan memberi pelbagai tawaran kepada Sa'id Hawwā dengan harapan beliau akan meninggalkan al-Ikhwān dan membentuk golongan beragama di Hayy al-'Aliliyyat. Namun ajakan tersebut ditolak dengan ucapannya:

"Sesungguhnya apabila saya berpegang pada suatu yang benar, maka tidak ada orang yang dapat mengubah pendirian saya sama sekali."⁶⁷

3.3.2 Penglibatan Dalam al-Ikhwān di Damsyik dan Zaman al-Wiḥdah

Sa'id Hawwā meneruskan perjuangannya bersama al-Ikhwān semasa menuntut di Universiti Damsyik. Di sini beliau belajar dengan Dr. Muṣṭafā al-Sibā'ī yang merupakan *Murāqib al-'Ām al-Ikhwān al-Muslimūn*.⁶⁸

Semasa di universiti beliau diberi kepercayaan untuk menerajui kepimpinan al-Ikhwān di kalangan pelajar. Menurutny semasa beliau menuntut dalam tahun satu, pertembungan hebat berlaku antara golongan Islam dan siswa yang terpengaruh dengan ideologi barat. Pelajar yang mendukung ideologi Ba'th dan komunis menganjurkan nadwah-nadwah di universiti. Dalam satu nadwah seorang pelajar, Muḥammad 'Imrān memberi ucapan mengatakan penyair lebih baik daripada para nabi. Kenyataan tersebut menimbulkan kontroversi antara penyokong al-Ikhwān dengan golongan sekular. Sa'id Hawwā mengkritik kenyataan yang menyentuh kesucian Islam di dalam nadwah yang sama.

⁶⁷ Sa'id Hawwā (1988d), *op. cit.*, hal.29.

⁶⁸ Sa'id Hawwā (1988d), *op. cit.*, hal.47.

Kesinambungan daripada insiden tersebut, beliau bersama-sama rakan-rakannya menubuhkan *Nadwah al-Fikr al-Mutaharrir* sebagai saingan kepada program yang dianjurkan oleh parti pemerintah. Nadwah yang dianjurkan oleh Sa'id Hawwā mendapat sambutan mahasiswa menyebabkan pihak universiti mengeluarkan arahan menghentikan program tersebut.⁶⁹

Setelah menghabiskan pengajian tahun pertama beliau pulang bercuti ke Hamāh pada tahun 1958. Ketika itu berlaku peristiwa penyatuan Mesir dan Syria (zaman *al-Wiḥdah*) 1958-1961 yang menyebabkan semua pertubuhan politik dibubarkan termasuklah al-Ikhwān. al-Ikhwān akur dengan keputusan ini. Sa'id Hawwā sebagai seorang pendakwah tidak berdiam diri malah mengisi kekosongan tersebut dengan melibatkan diri dalam gerakan tasauf.⁷⁰

Beliau mengambil inisiatif mengadakan program dakwah yang berbentuk tasawuf di *Dār al-Fuqarā'*. *Dār al-Fuqarā'* adalah merupakan rumah yang digunakan oleh Sa'id Hawwā untuk menjalankan aktiviti ilmiah dan majlis zikir secara intensif. Di sini beliau membina pemikiran dakwah yang lengkap dan syumul di kalangan pengikutnya. Aktiviti yang dilaksanakan menggabungkan pemikiran al-Ikhwān, penguasaan ilmu yang tulen dan ilmu tasawuf.

Dr.'Umar 'Abd al-Ḥamīd al-Amin yang merupakan pengikut Sa'id Hawwā di *Dār al-Fuqarā'* berpandangan bahawa aktiviti dakwah yang dijalankan oleh Sa'id Hawwā ini berjaya mencapai beberapa matlamat iaitu:

⁶⁹ Sa'id Hawwā(1988d), *op.cit.*, hal.47, Temubual penulis dengan Fāris al-Millī pada 29 April 2000.

⁷⁰ Sa'id Hawwā(1988d), *op.cit.*, hal.48.

1. Kerja-kerja dakwah tidak terhenti begitu sahaja bahkan berterusan dengan menggunakan pendekatan rahsia dan berwaspada.
2. Memberi bimbingan kepada pemuda yang memilih jalan zuhud dengan memperkenalkan kepada mereka usul-usul dakwah melalui tarbiah dan perancangan yang teratur dan lengkap. Usul-usul yang akan membawa mereka ke medan jihad dan bukan setakat di medan zuhud sahaja.⁷¹

Kesibukan beliau di *Dār al-Fuqarā'* menyebabkan beliau tidak aktif dalam al-Ikhwān dan jarang bertemu dengan syaikh al-Hāmid. Beliau terus menjalankan aktiviti berbentuk tasawuf sehinggalah beberapa rakannya bertemu dengan beliau dan mengajaknya aktif dalam al-Ikhwān. Pada mulanya Sa'id Hawwā menolak ajakan tersebut sehinggalah gurunya Muḥammad al-Hāmid memanggilnya dan berkata:

"يَا سَعِيدُ فَرَضَ عَلَيْكَ أَنْ تَعْمَلَ مَعَ الْإِخْوَانِ الْمُسْلِمِينَ!"

"Wahai Sa'id wajib ke atas kamu bekerja dengan al-Ikhwān al-Muslimīn."

Sejak dari peristiwa tersebut Sa'id Hawwā kembali aktif dalam al-Ikhwān.⁷² Tidak lama selepas itu beliau menamatkan pengajiannya di universiti dan seterusnya mengikuti latihan ketenteraan. Selepas mengikuti latihan ketenteraan al-Ikhwān secara umum dan Sa'id Hawwā menghadapi cabaran era pemerintahan parti B'ath bermula tahun 1964 sehingga ke saat penulisan ini. al-Ikhwān memainkan peranan penting dalam berhadapan dengan senario politik Syria. Penulis akan membincangkan selepas ini peranan yang dimainkan oleh al-Ikhwān secara umum dan Sa'id Hawwā secara khusus dalam pergolakan politik di Syria.

⁷¹ Muḥammad Khaḍar (1989), "Sa'id Hawwā al-Rajul wa al-Kalimah", *Ṣaḥifah al-Muslimiyyin*, bil. 215, 17-23 Mac 1989, hal. 15.

⁷² Temubual penulis dengan Aḥmad al-Jawwād pada 21 Februari 2000, Temubual penulis dengan Maḥmūd al-Hāmid pada 19 April 2000, Temubual penulis dengan Fāris al-Milli pada 29 April 2000.

3.4 Tragedi Jāmi' al-Sulṭān 1964

Sa'id Ḥawwā aktif semula dalam al-Ikhwān ketika berlakunya peristiwa pemisahan Syria dan Mesir(1961). Beliau. Beliau dan beberapa rakannya yang lain seperti Fāris al-Millī dan 'Abd al-Ḥamīd al-Aḥdab menjadi penggerak utama al-Ikhwān di Ḥamāh.⁷³ Kemuncak penglibatan Sa'id Ḥawwā dalam al-Ikhwān al-Muslimūn di Ḥamāh ialah ketika berlakunya tragedi Jāmi' al-Sulṭān 1964.

Menurut Sa'id Ḥawwā tragedi Jāmi' al-Sulṭān 1964 berpunca daripada beberapa sebab iaitu:

- (a) Dakwaan Zakī al-Uruzī dalam *Majallah al-Jaysy wa al-Sya'b* bahawa kisah Nabi Adam a.s merupakan cerita dongeng.
- (b) Pemerintah bertindak kasar terhadap al-Syaikh 'Abd al-Karīm al-Rifā'i⁷⁴
- (c) Pemerintah telah menangkap Nizār 'Urwānī, pelajar Madrasah 'Uthmān al-Ḥūrānī penuntut darjah lapan sekolah tersebut kerana menulis ayat al-Quran:

وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Maksudnya : "Barangsiapa yang tidak menjalankan hukum yang diturunkan Allah Taala maka dia orang yang zalim"

pada dinding Jāmi' al-Arba'in.

- (d) Perancangan pemerintah untuk menghapuskan sistem wakaf dan subjek Pendidikan Islam.⁷⁵

⁷³ Temubual penulis dengan Fāris al-Millī pada 29 April 2000.

⁷⁴ Sa'id Ḥawwā (1988d), *op.cit.* hal 72, Tamām Barāzī(1989) , al-Syaikh Sa'id Ḥawwā al-'Ālim al-Manāḍil, *Majallah al-Waṭan al-'Arabī*, 7 April 1989, hal. 25, Temubual penulis dengan Fāris al-Millī pada 29 April 2000.

⁷⁵ Aḥmad al-Jawwād, Aḍwā' 'alā Aḥdāth Jāmi' al-Sulṭān fī 14/4/1964, hal.3-4, Sa'id Ḥawwā(1988d), *op.cit.*, hal.78.

Sa'īd Ḥawwā dan Marwān Ḥadīd bersama-sama rakan yang lain berperanan menggerakkan masyarakat melakukan penentangan. Satu pertembungan berlaku antara pemerintah dan kumpulan Marwān Ḥadīd di Jāmi' al-Ṣultān. Sa'īd Ḥawwā telah menyampaikan ucapan yang membakar semangat penentangan di kalangan umat Islam. Peranan Sa'īd Ḥawwā terserlah semasa pemimpin masyarakat di Ḥamāh berkumpul di rumah 'Uthmān al-Amin apabila beliau mencetuskan idea *Ḥalf al-Fuḍul*. Beliau mencadangkan supaya penduduk Ḥamāh bersatu mempertahankan mana-mana individu yang diserang tanpa mengira aliran politik atau agama. Akhirnya nama beliau disenarai hitam dalam rekod polis.⁷⁶

Sa'īd Ḥawwā dan beberapa orang rakannya seperti 'Uthmān al-Amin, Aḥmad al-Amin dan Hārūn al-Khatīb pergi ke Iraq untuk mendapatkan bantuan. Di sini beliau dan rakan-rakannya telah diberi peluang menyiarkan berita tragedi tersebut di radio Baghdad. Syaikh Amjad al-Zahāwī, seorang ulama besar Iraq pula mengeluarkan kenyataan menyokong penduduk Ḥamāh membuat penentangan terhadap pemerintah Syria.⁷⁷

⁷⁵ Aḥmad al-Jawwād, *Aḍwā' 'alā Aḥdāth Jāmi' al-Sultān* fī 14/4/1964, hal.3-4, Sa'īd Ḥawwā(1988d), *op. cit.*, hal. 78.

⁷⁶ Sa'īd Ḥawwā(1988d), *op. cit.*, hal. 77, Tamām Barāzī(1989), al-Syaikh Sa'īd Ḥawwā al-'Ālim al-Manādīl, *Majallah al-Waṭan al-'Arabī*, 7 April 1989, hal. 25. Temubual penulis dengan Aḥmad al-Jawwād di Jabal al-Zuhūr pada 21 Februari 2000 Temubual penulis dengan Fāris al-Millī pada 29 April 2000.

⁷⁷ Aḥmad al-Jawwād, *Aḍwā' 'alā Aḥdāth Jāmi' al-Sultān* fī 14/4/1964, hal. 19.

Tragedi Jāmi' al-Sultān berakhir dengan penangkapan Marwān Ḥadīd dan pengikutnya. Sebahagian daripada mereka yang terlibat di dalam tragedi Jāmi' al-Sultān dijatuhkan hukuman gantung termasuk Sa'id Ḥawwā. Selepas empat puluh hari, Sa'id Ḥawwā dan rakan-rakannya kembali ke Syria setelah Amin al-Ḥāfiẓ presiden Syria mengeluarkan kenyataan mengampunkan mereka yang terlibat dalam tragedi Jāmi' al-Sultān 1964.⁷⁸

Menurut analisis yang dibuat oleh Sa'id Ḥawwā terdapat beberapa matlamat disebalik penentangan yang dilakukan. Matlamat tersebut ialah:

- (a) Mempertahankan subjek Pendidikan Islam.
- (b) Menghentikan pandangan golongan yang ingin menghapuskan sistem wakaf.
- (c) Membentuk pemerintahan yang sederhana di bawah pimpinan Ṣalāḥ al-Bayṭār.
- (e) Menjadikan Islam lebih dihormati.⁷⁹

Menurut Sa'id Ḥawwā lagi, pengajaran utama daripada tragedi Jāmi' al-Sultān ialah perjuangan satu bandar sahaja tidak cukup untuk menjatuhkan kerajaan yang zalim.⁸⁰

Berdasarkan kajian, penulis mendapati tindakan agresif Sa'id Ḥawwā dan rakan-rakannya dalam tragedi Jāmi' al-Sultān tidak dipersetujui oleh syaikh Muḥammad al-Ḥāmid. Beliau tidak bersetuju dengan penentangan bersenjata yang dilakukan oleh golongan muda kerana penentangan yang dilakukan oleh pemerintah terhadap Islam adalah secara tidak langsung bukannya secara terus terang seperti yang berlaku kemudian iaitu pada zaman Ḥāfiẓ Asad. Penentangan

⁷⁸ Sa'id Ḥawwā(1988d), *op. cit.*, hal.77-78.

⁷⁹ Sa'id Ḥawwā(1988d), *op. cit.*, hal.78.

⁸⁰ Sa'id Ḥawwā(1988d), *op. cit.*, hal.79.

tersebut akan menghentikan aktiviti ilmiah dan dakwah yang berjalan dengan baik pada masa itu. Penentangan juga akan menyebabkan orang ramai takut untuk berhubung dengan al-Ikhwān serta menyebabkan perselisihan antara anggota al-Ikhwān sendiri.⁸¹ Ternyata selepas itu pandangan syaikh Muḥammad al-Ḥāmid adalah lebih tepat berbanding tindakan yang dilakukan oleh pemuda al-Ikhwān. Syaikh Muḥammad al-Ḥāmid sendiri telah bertemu Amin al-Ḥāfiẓ, presiden Syria dan berbincang untuk mengembalikan suasana Ḥamāh seperti sedia kala. Beliau telah membuat tiga tuntutan dalam pertemuan tersebut iaitu:

- (a) Pengunduran tentera dan penghapusan sebarang bentuk kekerasan dan keganasan terhadap Ḥamāh.
- (b) Membina semula Jāmi' al-Sulṭān
- (c) membayar *diyat* pembunuhan kepada keluarga mangsa yang terkorban.

Permintaan syaikh Muḥammad al-Ḥāmid telah diterima oleh Amin al-Ḥāfiẓ presiden Syria.⁸²

Menurut Nāfi' 'Ulwānī, tindakan yang dilakukan oleh Sa'īd Ḥawwā dan pemuda-pemuda al-Ikhwān dalam tragedi Jāmi' al-Sulṭān merupakan satu kejutan kerana tindakan tersebut tidak mendapat persetujuan dari pimpinan al-Ikhwān. al-Ikhwān sendiri telah mengarahkan beliau untuk berdiplomasi dengan pemerintah supaya membebaskan pelajar yang ditangkap. Pemerintah telah berjanji untuk membebaskan tahanan sebaliknya mereka tidak membebaskan

⁸¹ Temubual penulis dengan Nāfi' 'Ulwānī pada 17 Februari 2000, Temubual penulis dengan Maḥmūd al-Ḥāmid pada 19 April 2000.

⁸² Ahmad al-Jawwād(t.t), *Aḍwā' 'ala Aḥdāth Jāmi' al-Sulṭān* fī 14/4/1964, hal. 17. Temubual penulis dengan Fāris al-Milli pada 29 April 2000.

pelajar tersebut dan tindakan yang dilakukan oleh Sa'id Hawwā dan rakannya adalah tindak balas kepada isu yang berlaku.⁸³

Selepas tragedi Jāmi' al-Sultān, 'Abd al-Hamid al-Ahdāb memberi buah fikiran kepada Sa'id Hawwā supaya keluar dari Syria dan berpindah ke Arab Saudi dan bertugas di sana. Setelah mengambil pandangan rakan-rakannya di *Markaz al-Ikhwān Hamāh*, beliau mengambil keputusan meninggalkan Syria dan berhijrah ke Arab Saudi. Keputusan tersebut diambil kerana beliau merupakan salah seorang individu penting dalam tragedi Jāmi' al-Sultān dan kemungkinan beliau akan dibunuh oleh pemerintah. Keputusan yang diambilnya merupakan satu keputusan yang tepat kerana tidak lama selepas beliau meninggalkan Syria, barisan utama kepimpinan al-Ikhwān Syria ditangkap.⁸⁴

Pada tahun 1966 Sa'id Hawwā bersama isterinya berpindah ke Arab Saudi dan bertugas sebagai guru di sana. Semasa bertugas di Arab Saudi Sa'id Hawwā menulis beberapa buah buku untuk dijadikan *manhaj* tarbiyah al-Ikhwān al-Muslimūn seperti kitab *Jund Allāh Thaḡāfah wa Akhlāqā, Allāh, al-Rasūl, al-Islām* dan sebahagian daripada kitab *Jund Allāh Takhtīṭā wa Tanzīmā wa Tanfidhā*.⁸⁵

⁸³ Temubual penulis dengan Nāfi' 'Ulwāni di Hayy al-'Abdallat pada 17 Februari 2000.

⁸⁴ Sa'id Hawwā(1988d), *op.cit.*, hal.88.

⁸⁵ Sa'id Hawwā(1988d), *op.cit.*, hal.93, Tamām Barāzī(1989), *op.cit.*, hal.25, Temubual penulis dengan Dr.Aḥmad al-Jawwād pada 21 Februari 2000, Muhammad Pisol Mat Isa(t.t), *op.cit.*, hal.36.

Selain itu, kedatangan Sa'īd Ḥawwā ke Arab juga merupakan pencetus kepada pengasasan al-Ikhwān al-Muslimūn di Arab Saudi dan Yaman. Syaikh al-Zindānī yang merupakan tokoh gerakan Islam di Yaman menuntut secara langsung dengan beliau dan terkesan dengan pemikirannya.⁸⁶

Semasa di Arab Saudi, Sa'īd Ḥawwā pernah mengutus surat kepada al-Mālik Fayṣal. Beliau telah menulis beberapa usul dan cadangan yang berkaitan dengan masyarakat Arab Saudi. Surat ini mendapat reaksi daripada al-Mālik Fayṣal serta memberi kesan positif kepada penduduk Arab Saudi.⁸⁷

3.5 Peranan Sa'īd Ḥawwā dalam Krisis Dalaman al-Ikhwān

Setelah berkhidmat di Arab Saudi selama lima tahun(1966-1971), Sa'īd Ḥawwā kembali ke Syria pada awal tahun 1971. Penulis berpandangan kepulangan Sa'īd Ḥawwā ke Syria memang tepat pada waktunya. Beliau bersama rakannya di Markaz Ḥamāh seperti Fāris al-Millī, 'Abd al-Ḥamīd al-Ahdāb dan Marwān Ḥadīd telah berperanan sebagai orang tengah dalam menangani krisis kepimpinan yang berlaku di antara kumpulan 'Iṣām al-Aṭṭār dengan kumpulan utara yang terdiri daripada Ḥamāh, Ḥalab dan al-Lādhakiyah seperti yang dijelaskan sebelum ini.⁸⁸

⁸⁶ Temubual penulis dengan Dr. Aḥmad al-Jawwād pada 21 Februari 2000.

⁸⁷ Muḥammad Ḥawwā(1995), "Ṣafahāt Majhūlah min Ḥayāh al-Syaikh Sa'īd Ḥawwā" . *al-Nūr*, Syawal 1415H, hal.33.

⁸⁸ Temubual penulis dengan Dr. Aḥmad al-Jawwād pada 21 Februari 2000.

Sa'id Hawwā telah menulis satu kertas kerja sebanyak empat puluh halaman sebagai cadangan penyelesaian kepada krisis dalaman yang berlaku. Dalam kertas tersebut beliau menyebut:

- (a) Kedua-dua pihak yang berselisih tidak mempunyai organisasi yang sah. Pemilihan yang dilakukan oleh kedua-dua pihak dilakukan tidak mengikut undang-undang. Justeru satu perbincangan perlu diadakan.
- (b) Sebab utama perpecahan tidak penting tetapi sebab-sebab lain lebih penting.

Sa'id Hawwā telah mengambil inisiatif untuk menyatukan kedua belah pihak. Beliau bersama Marwān Ḥadīd dan rakannya bertemu dengan wakil-wakil setiap markaz. Marwān bertemu dengan wakil Damsyik manakala Sa'id Hawwā bertemu dengan wakil Ḥalab. Namun segala usaha yang dijalankan menemui kebuntuan.⁸⁹ Dua tahun selepas krisis dalaman Sa'id Hawwā ditangkap kerana beliau adalah pencetus kepada krisis perlembagaan 1973. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, perselisihan antara dua kumpulan ini tidak berakhir kecuali selepas tertubuhnya *al-Jabha al-Islāmiyyah* pada awal 1980-an. Sa'id Hawwā merupakan penggerak penting kepada pertubuhan ini. Peranan beliau dalam pertubuhan tersebut akan dijelaskan selepas ini.

Pada pemilihan perwakilan 1986, al-Ikhwān Syria sekali lagi berdepan dengan krisis kepimpinan. Pendukung al-Ikhwān terbahagi kepada dua kumpulan besar iaitu penyokong 'Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah dan penyokong 'Adnān Sa'd al-Dīn. Sa'id Hawwā bersama-sama rakan yang lain seperti 'Abd Allāh al-Ṭanṭawī, Adīb al-Jājah, pemuda-pemuda Ḥamāh, Idlib dan kawasan lain yang

⁸⁹ Sa'id Hawwā (1983d), *op.cit.*, hal.105-106.

mempunyai hubungan dengan kumpulan ini menjadi penyokong kepada 'Adnān Sa'd al-Dīn yang memimpin organisasi yang sah.

'Abd al-Fattāh Abū Ghuddah pula mendapat sokongan 'Alī al-Bayānūnī, Hassan Huwaydī, Zuhayr Sālim, Abū Badr Idlibī, Muḥammad al-Ḥasnawī dan pemuda al-Ikhwān yang bermastautin di Arab Saudi dan negara Teluk.⁹⁰

Berdasarkan analisis Sa'īd Ḥawwā terdapat beberapa punca krisis dalaman 1986. Beliau membahagikan punca krisis kepada dua bahagian iaitu:

(i)Faktor Utama :

- a)Kepincangan organisasi yang sah.
- b)Yayasan tidak berfungsi.
- c)Perbezaan pandangan politik.

(ii)Faktor-faktor sampingan :

- a)Semangat tempatan.
- b)Menyentuh peribadi personaliti tertentu.
- c)Pandangan negatif antara satu sama lain.
- d)Salah faham terhadap beberapa perkara.
- e)Kesamaran tentang teori organisasi gerakan Islam kontemporari.⁹¹

Menurut 'Abd Allāh al-Ṭanṭāwī, Sa'īd Ḥawwā sangat kecewa dengan perpecahan yang berlaku dan berharap sekiranya krisis tersebut tidak berlaku. Beliau telah mengambil inisiatif berbincang dengan 'Abd Allāh al-Ṭanṭāwī yang memegang jawatan sebagai Nāib Murāqib al-'Am untuk mengembalikan kesatuan pendukung al-Ikhwān Syria. Beliau akan memulakannya dengan menyatukan penduduk Ḥamāh diikuti penduduk dari kawasan-kawasan lain.

⁹⁰ 'Umar al-Ḥakīm(1987), *op. cit.*, hal.137.

⁹¹ Sa'īd Ḥawwā(1988d), *op. cit.*, hal.163.

Sebaliknya apa yang terjadi selepas itu insiatif yang diambil oleh Sa 'īd Ḥawwā disalah anggap. Beliau dan 'Abd Allāh al-Ṭanṭāwī dituduh menubuhkan gerakan yang baru. Mereka menuduh 'Abd Allāh al-Ṭanṭāwī dilantik sebagai *Murāqib al-'Am* dan Sa 'īd Ḥawwā sebagai *Mursyid al-'Am*. Menurut 'Abd Allāh al-Ṭanṭāwī tuduhan ini tidak mempunyai asas sama sekali.⁹²

Dr. Aḥmad al-Jawwād turut menolak dakwaan tersebut. Menurutnya,

"Sa 'īd Ḥawwā tidak pernah meminta apa-apa jawatan. Beliau tidak bertujuan mengumpul harta kekayaan melalui penglibatan beliau bersama al-Ikhwān Syria. Sekiranya perkara ini menjadi matlamatnya, beliau mampu mengumpul harta yang banyak. Sebaliknya apa yang berlaku ialah apabila ada pihak yang memberi sumbangan kewangan, beliau akan mengagihkannya kepada orang lain dan tidak mengambil walaupun sesen sehingga beliau tidak memiliki wang untuk menanggung kos perubatan."⁹³

Krisis dalaman di atas tidak selesai sehinggalah tahun 1992 iaitu selepas kematian Sa 'īd Ḥawwā.⁹⁴

Menurut 'Abd Allāh al-Ṭanṭāwī lagi, terdapat sesetengah pihak yang menuduh Sa 'īd Ḥawwā sebagai punca utama kepada krisis dalaman al-Ikhwān Syria. Menurutnya Sa 'īd Ḥawwā hanyalah salah seorang anggota Majlis Syura al-Ikhwān Syria. Sepatutnya semua anggota majlis Syura perlu memikul tanggung jawab dan beliau mempersoalkan mengapakah dua puluh orang anggota majlis syura yang lain berlepas tangan?⁹⁵

⁹² Temuramah penulis dengan 'Abd Allāh al-Ṭanṭāwī pada 29 Mac 2002.

⁹³ Temubual penulis dengan Dr. Aḥmad al-Jawwād pada 21 Februari 2000.

⁹⁴ 'Adnān Sa'd al-Dīn (1998). *op.cit.*, hal.147. Temubual penulis dengan Maḥmūd al-Ḥamid pada 19 April 2000.

⁹⁵ Temuramah penulis dengan 'Abd Allāh al-Ṭanṭāwī pada 29 Mac 2002.

Berdasarkan analisis, penulis mendapati Sa'īd Ḥawwā merupakan seorang tokoh yang menekankan persoalan kesatuan pendukung gerakan Islam. Ini dapat dilihat melalui tindakan dan tulisan beliau. Di antara perkataan terakhir yang disebut oleh beliau sebelum koma ialah :

"Sekiranya Allah mentakdirkan saya hidup, cita-cita saya ialah untuk menyatukan hati dan saff(kepimpinan) Insyā Allāh."⁹⁶

'Adnān Sa'd al-Dīn berpandangan Sa'īd Ḥawwā seorang yang menitikberatkan kesatuan sesama muslim. Sekiranya beliau berselisih dengan seseorang atau orang lain yang menjadi punca perselisihan beliau bersegera mencari jalan penyelesaian. Beliau meminta maaf dan berusaha mengembalikan kesatuan tanpa mengira beliau atau orang lain yang bersalah.⁹⁷

Menurut Ahmad al-Jawwād, Sa'īd Ḥawwā berpandangan bahawa kita tidak boleh memaksa pendukung-pendukung gerakan Islam untuk berpegang dengan satu pendirian atau mengikut satu strategi. Setiap individu mengikut ijtihadnya, namun seseorang itu perlu bertolak ansur untuk mencapai matlamat yang sama. Seseorang itu tidak boleh mengelak daripada bekerjasama dan mencari titik kesatuan sama ada antara individu dengan jemaah atau sebaliknya sehinggalah tercapainya kesatuan umat.⁹⁸

⁹⁶ "Afkār Sa'īd Ḥawwā Kamā Yarwihā Ibnūh Muḥammad" dalam *al-Balāgh. Balāgh.* Kuwait, 11 Jun 1989, bil.996, hal.47.

⁹⁷ 'Adnān Sa'd al-Dīn(1989), "Sa'īd Ḥawwā Ma'a al-Du'āh al-'Āmilīn", *al-Nadhīr*, bil.113, Jun 1989, hal.7.

⁹⁸ Ahmad al-Jawwād(1989), "Syadhārāt min Ḥayāh Syaikh Sa'īd Ḥawwā", *al-Nadhīr*, bil.113, Jun 1989, hal.26.

Sa'id Hawwā juga berpandangan bahawa punca perselisihan antara anggota al-Ikhwān dan pendukung-pendukung gerakan Islam yang lain adalah masalah Tazkiyah al-Nafs. Penyakit-penyakit seperti gilakan pangkat, bersangka buruk, takbur, tuduh-menuduh, mengumpat, mengadu domba, dengki dan penyakit-penyakit hati yang lain menjadi punca perpecahan dan permusuhan antara pendukung gerakan Islam.⁹⁹

Berdasarkan analisis yang dibuat oleh Muhammad Hawwā, Sa'id Hawwā menegaskan bahawa kejayaan dalam gerak kerja dakwah tidak akan dicapai melainkan adanya kesatuan, faham memahami, tolong menolong dan perasaan persaudaraan dan kasih sayang di antara kalangan pimpinan sendiri dan ahli bawahan.¹⁰⁰

Menurut Sa'id Hawwā pendakwah sepatutnya mengutamakan kesatuan dalam menegakkan agama Allah berbanding kepentingan peribadi. Beliau mengkritik pendakwah yang bertitik peluh menegakkan agama tetapi pada masa yang sama mereka terlibat dalam masalah perpecahan. Pandangannya ini adalah berasaskan firman Allah:

♦ شَرَعَ لَكُمْ مِنَ الدِّينِ مَا وَصَّى بِهِ نُوحًا وَالَّذِي أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ وَمَا وَصَّيْنَا بِهِ إِبْرَاهِيمَ وَمُوسَى وَعِيسَى أَنْ أَقِيمُوا الدِّينَ وَلَا تَتَفَرَّقُوا فِيهِ كَبُرَ عَلَى الْمُشْرِكِينَ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ اللَّهُ يَجْتَبِي إِلَيْهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَهْدِي إِلَيْهِ مَنْ يُنِيبُ ﴿١٣﴾

⁹⁹ Petikan ucapan Dr. Muhammad Sa'id Hawwā sempena majlis memperingati kewafatan Sa'id Hawwā pada 7 Mac 2000.

¹⁰⁰ Muhammad Hawwā (1995), "Bayna Yad al-Kitāb", dalam Sa'id Hawwā (1995b), *Jund-Allāh Tanzīmā*, Kaheerah: Dār al-Salām hal. 4.

Allah telah menerangkan kepada kamu di antara perkara-perkara agama yang Ia tetapkan hukumnya apa yang telah diperintahkanNya kepada Nabi Nuh dan yang telah Kami (Allah) wahyukan kepadamu (wahai Muhammad) dan juga yang telah Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Musa serta Nabi Isa, iaitu: Tegakkanlah pendirian agama dan janganlah kamu berpecah belah atau berselisihan pada dasarnya.

Surah al-Syūrā(42):13

Justeru itu Sa'īd Ḥawwā berpandangan bagi mengelakkan perpecahan seseorang pendakwah itu perlu :

(a)Menghapuskan segala anasir yang membawa kepada perpecahan samada ianya berpunca daripada kesilapan ketika berkata-kata atau penyakit jiwa seperti hasad dan sikap ekstrim.

(b)Menjauhi sikap memperkecilkan orang lain yang merupakan satu sikap yang merbahaya. Pendakwah sepatutnya menyebut perkara positif yang ada pada teman seperjuangan. Sekiranya mereka melanggar batasan agama, pendakwah perlu menegurnya dengan niat yang benar kerana Allah s.w.t dan bukannya dengan bercakap di belakang.

(c) Sikap berebut pengikut merupakan satu penyakit yang menular dikalangan pendakwah. Senario sebegini akan menghasilkan seorang pendakwah yang memandang rendah terhadap pendakwah lain. Akhirnya sikap tersebut membawa kepada perpecahan. Puncanya adalah daripada sikap hasad yang menjadikan beliau seorang pendakwah kepada diri sendiri dan bukannya pendakwah ke jalan Allah.¹⁰¹

¹⁰¹ Sa'īd Ḥawwā (1988g), *op.cit.*, hal. 207.

Berdasarkan kenyataan-kenyataan ini, jelas menunjukkan bahawa Sa'id Hawwā bukanlah punca kepada krisis kepimpinan bahkan beliau merupakan individu yang berusaha bersungguh-sungguh menyatupadukan pendukung al-Ikhwān sama ada melalui tindakan secara teori mahupun praktikal.

3.6 Sa 'id Hawwā , Krisis Perlembagaan 1973 dan Pemenjaraan

Peranan Sa'id Hawwā sekali lagi terserlah pada tahun 1973 apabila beliau menjadi pencetus utama kepada Krisis Perlembagaan. Melihat kepada tindakan pemerintah yang memperkenalkan perlembagaan yang baru yang jelas bertentangan dengan Islam. Beliau telah berusaha mengemukakan satu petisyen *Bayān Raqam 1* dengan mengumpul tandatangan ulama-ulama dari Hamāh, Halab dan Himṣ. Perlembagaan tersebut akan menghapuskan sistem kekeluargaan Islam, memansuhkan pengajian Islam dalam sistem pendidikan, meletakkan kuasa kehakiman, eksekutif dan perundangan di bawah kuasa presiden, wanita dipaksa berkhidmat dalam tentera dan mereka dilarang memakai hijab ketika memasuki kawasan sekolah.¹⁰²

Beliau telah mendapatkan tandatangan daripada beberapa ulama penting seperti syaikh Khālid al-Syuqfah, *Ra'īs Jam'iyyah 'Ulamā' Hamāh*.¹⁰³ Setelah

¹⁰² Sa'id Hawwā(1988d), *op.cit.*, hal.110, Mohd. Fisol(t.t), *op.cit.*, hal.33.

¹⁰³ Beliau dilahirkan di Hamāh pada tahun 1905. Beliau mendapat pendidikan awal di Ma'had Hamāh al-Syar'i. Beliau merupakan teman rapat syaikh Muhammad al-Hāmid. Sepanjang tempoh 1942-1954 beliau mengajar di daerah kecil al-Sulamīyyah. Beliau kemudian berpindah ke Hamāh dan mengajar fiqh Syafie di Ma'had Hamāh al-Syar'i. Semasa di Hamāh beliau memainkan peranan penting dalam aspek agama, politik dan kemasyarakatan. Beliau meninggal dunia pada tahun 1977.[Silu lihat. (1)Sa'id Hawwā: *Muqaddimah* dalam Khālid al-Syuqfah(1987), *Fiqh al-'Ibādah*, Kaheerah: Dār al-Salām., hal.7-9, (2)Yūsuf (1999a), *op.cit.*, j.1, hal.159-160.]

petisyen tersebut ditandatangani, beliau telah meminta syaikh Ḥabannakah al-Midānī membuat penelitian dan akhirnya diserahkan kepada pemerintah.

Kesan daripada krisis perlembagaan 1973, Sa'īd Ḥawwā dan beberapa ulama telah ditahan. Oleh kerana Sa'īd Ḥawwā merupakan tunggak kepada krisis perlembagaan beliau dipenjara selama lima tahun(1973-1978). Desakan pelbagai pihak juga telah menyebabkan presiden Ḥafiz Asad mengubah perlembagaan yang menyatakan presiden Syria mestilah seorang muslim. Pada tahun 1974, Ḥafiz Asad mengaku menjadi seorang yang berpegang dengan mazhab Ahli Sunnah, menunaikan ibadah umrah dan sentiasa menunaikan solat Jumaat di masjid.¹⁰⁴

Berdasarkan kajian penulis mendapati Sa'īd Ḥawwā mengambil tanggung jawab sepenuhnya terhadap krisis perlembagaan. Semasa dalam tahanan beliau tidak membocorkan rahsia individu yang terlibat dalam krisis perlembagaan walaupun dikenakan pelbagai tekanan dan siksaan. Ini menunjukkan beliau seorang yang berpendirian. Sikap tersebut amat penting sebagai satu strategi dakwah.

Menurut keluarga Sa'īd Ḥawwā, individu yang terlibat dalam soal siasat ialah Nāji Jamīl, Ḥikmat al-Syahābī, 'Adnān al-Dabbāgh, 'Alī Dūbā, 'Alī Madanī, Muḥammad al-Khūlī dan lain-lain. Soal siasat berlangsung selama empat puluh hari dan mereka mengkaji buku Sa'īd Ḥawwā *Jund Allāh*. Pada peringkat

¹⁰⁴ Dr.Umar F Abd-Allah(1983), *op.cit.*, hal.111, R. Hrair Dekmajian(1989), *op.cit.*, hal.167, Nikalaos Van Dam(1996), *The Struggle for Power in Syria, Politics and Society under Asad and Ba'th Party*, New York: I.B Tauris Publishers, London, hal.111.

awal Ḥāfiẓ Asad mahu Sa'īd Ḥawwā dijatuhkan hukuman gantung kemudian diringankan kepada penjara seumur hidup.¹⁰⁵

Berdasarkan kajian juga, terdapat sesetengah pihak yang menyalahkan Sa'īd Ḥawwā dalam krisis perlembagaan dengan alasan beliau menyebabkan ramai ulama yang ditangkap kerana nama mereka disebut dalam *Bayān Raqam 1* yang ditandatangani.¹⁰⁶ Penulis tidak bersetuju dengan golongan ini kerana penulisan nama dalam *Bayān* tersebut telah mendapat persetujuan para ulama. Nama mereka disebut untuk menunjukkan bahawa bukan al-Ikhwān sahaja yang menentang perubahan dalam perlembagaan tetapi turut disokong oleh ulama Syria. Sa'īd Ḥawwā sebagai seorang yang bertanggungjawab telah menulis surat kepada Asad menyatakan bahawa beliau memikul sepenuhnya krisis perlembagaan menyebabkan ramai tahanan yang dibebaskan.¹⁰⁷ Menurut Fāris al-Millī, Sa'īd Ḥawwā tidak menyebut langsung nama beliau dalam krisis perlembagaan walaupun beliau merupakan *Mas'ul al-Ikhwan* di Ḥamāh.¹⁰⁸

Walaupun berada dalam tahanan, Sa'īd Ḥawwā tidak berhenti dari menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang pendakwah. Beliau telah mengadakan halakah ilmu di dalam pelbagai disiplin ilmu seperti tafsir, fikah dan lain-lain sehingga salah seorang muridnya menganggap beliau berjaya mengubah

¹⁰⁵ Tamām Barāzī (1989), al-Syaikh Sa'īd Ḥawwā al-'Ālim al-Manāḍil, *Majallah al-Waṭan al-'Arabī*, 7 April 1989, hal. 25.

¹⁰⁶ Temubual penulis dengan Nāfi' 'Ulwānī di Ḥayy al-'Abdallat pada 17 Februari 2000.

¹⁰⁷ Tamām Barāzī (1989), al-Syaikh Sa'īd Ḥawwā al-'Ālim al-Manāḍil, *Majallah al-Waṭan al-'Arabī*, 7 April 1989, hal. 25, Temuramah penulis dengan Fāris al-Millī pada 29 April 2000.

¹⁰⁸ Temuramah penulis dengan Fāris al-Millī pada 29 April 2000.

suasana penjara menjadi seperti sekolah.¹⁰⁹ Beliau juga telah berjaya mengajar hampir semua banduan bersamanya menghafaz al-Quran. Menurut penelitian penulis, sebahagian besar dari tahanan yang dibebaskan menjadi penggerak penting kepada al-Ikhwān.

Kekuatan hujah dan pemikiran dakwah Sa'id Hawwā juga telah menyebabkan beberapa individu yang berfahaman komunis berubah menjadi penyokong gerakan al-Ikhwān.¹¹⁰

Begitu juga, semasa dalam tahanan, Sa'id Hawwā secara diam-diam berhubung dengan pemimpin al-Ikhwān di luar. Beliau mengikuti sebahagian daripada peristiwa dan konflik yang berlaku serta memberi pandangan terhadap isu-isu yang timbul.¹¹¹

Sa'id Hawwā semasa dalam tahanan merupakan contoh pendakwah yang tetap dalam pendiriannya. Apabila melihat tahanan politik yang lain ditekan, Sa'id Hawwā menjadi pelindung mereka. Beliau pernah memegang kolar baju wadar penjara dan mencampakkannya ke dalam sel. Banduan-banduan yang lain turut memukul wadar tersebut kerana beliau bersikap kasar terhadap penghuni penjara. Peristiwa tersebut menyebabkan beberapa wadar yang lain datang bersama cota dan membuat siasatan. Sa'id Hawwā meminta untuk bertemu

¹⁰⁹ Temubual dengan Safwah al-Junaydi pada 27 Februari 2000.

¹¹⁰ Temubual dengan Safwah al-Junaydi pada 27 Februari 2000.

¹¹¹ Sa'id Hawwā (1988d), *op. cit.*, hal. 130.

dengan pengarah penjara Rasmi al-'Id. Semasa bertemu dengan pengarah penjara beliau memalingkan wajahnya sambil menjerit :

"عَامِلُونَا كَمَا تُعَامِلُونَ الْيَهُودَ وَالنَّصَارَى . هَذِهِ الْبَلَدُ بَلَدُنَا . نَحْنُ الْمُسْلِمُونَ ، نَقْبَلُ مِنْكُمْ أَنْ تُعَامِلُونَا كَمَا تُعَامِلُونَ الْيَهُودَ وَالنَّصَارَى وَبَلِّغْ حَافِظَ أَسَدَ أَنْ وِرَاءَنَا الْإِخْوَانُ نَحْمِينَا"

" Berinteraksilah dengan kami sebagaimana kamu berinteraksi dengan orang-orang Yahudi dan Nasrani. Bumi ini tanah air kami. Kami adalah orang Islam. Kami menerima daripada kamu untuk berinteraksi dengan kami sebagaimana yang kamu lakukan terhadap orang Yahudi dan Nasrani. Sampaikan pada Hāfiz Asad bahawa di belakang kami saudara-saudara yang melindungi kami. "

Peristiwa ini berakhir dengan kedua-dua belah pihak bersetuju menyelesaikan masalah tersebut. Wadar penjara tersebut meminta maaf daripada Sa'īd Ḥawwā. Tindakan beliau telah menyebabkan wadar penjara lebih berhati-hati dalam tindakan mereka.¹¹²

Setelah lima tahun merengkok di penjara, Sa'īd Ḥawwā dibebaskan tanpa sebarang syarat. Kepulangannya disambut hangat oleh penduduk Ḥamāh. Semasa Sa'īd Ḥawwā dibebaskan dari penjara, suasana di Ḥamāh tidak stabil akibat tekanan rejim Asad terhadap al-Ikhwān. Oleh itu penulis melihat salah satu sebab pembebasan Sa'īd Ḥawwā ialah untuk meredakan suasana di Ḥamāh. Beliau telah menyampaikan ceramah sempena sambutan Maulidurasul 1399H. Ucapan yang disampaikan oleh beliau merupakan satu ucapan yang mempunyai nilai sejarah.

Sa'īd Ḥawwā menyampaikan ucapan tersebut di Jami' syaikh Muḥammad al-Ḥāmid. Dalam ucapan tersebut beliau menjelaskan bahawa penduduk Ḥamāh merupakan golongan yang berpegang kuat dengan agama dan boleh berdiplomasi

¹¹² Temubual dengan Amir Zakiyyah pada 27 Februari 2000.

dengan pemerintah. Beliau juga menjelaskan bahawa mereka yang cuba menyentuh kesucian Islam di Ḥamāh akan mendapat tentangan hebat dari penduduk Ḥamāh. Ucapan yang disampaikan oleh Sa'īd Ḥawwā berjaya mengembalikan kestabilan di Ḥamāh.¹¹³

3.7 Sa'īd Ḥawwā dan Konflik al-Ikhwān- Ḥāfiẓ Asad 1976-1982

Berdasarkan kajian, penulis mendapati terdapat sesetengah pihak mendakwa konflik yang timbul antara golongan muda al-Ikhwān dengan pemerintah bermula 1976 berpunca dari pengaruh pemikiran Sa'īd Ḥawwā. Menurut mereka golongan muda al-Ikhwān bertindak agresif kerana terpengaruh dengan tulisan-tulisan Sa'īd Ḥawwā seperti kitab *Jund Allāh Thaqafah Wa akhlāqā*. Pendapat ini ditolak oleh Muḥammad Ḥawwā kerana semasa bermulanya konfrontasi bersenjata Sa'īd Ḥawwā merengkok di penjara. Justeru itu beliau tidak kena mengena dengan peristiwa yang berlaku di luar.¹¹⁴

Penulis bersetuju dengan pandangan Muḥammad Ḥawwā kerana berdasarkan penelitian, Sa'īd Ḥawwā bukanlah seorang yang radikal sebaliknya beliau adalah seorang yang sederhana.¹¹⁵ Penentangan bersenjata pada mulanya

¹¹³ Petikan ucapan Sa'īd Ḥawwā sempena Mawlid al-Rasūl 1978 di Ḥamāh, Sa'īd Ḥawwā (1988d), *op.cit.*, hal., Temubual dengan Nāsir Muṣṭafā al-Idlibi di Ḥayy Nazzāl, Amman pada 7 Februari 2000. Menurut beliau turut hadir dalam majlis tersebut. Temubual dengan Ahmad al-Jawwād di Jabal al-Zuhūr pada 21 Februari 2000. Temubual dengan Fāris al-Millī di Mu'assasah al-Bārādī berhadapan dengan University of Jordan pada 29 April 2000.

¹¹⁴ Temubual dengan Muḥammad Sa'īd Ḥawwā pada 28 April 2000.

¹¹⁵ Itzhak Weismann(1993), *op.cit.*, hal. 618-619.

dilakukan oleh *al-Ṭalī'ah al-Muqātilah al-Ikhwān al-Muslimīn*¹¹⁶ yang terpengaruh dengan pemikiran Marwān Ḥadīd. Golongan ini berpendapat mereka perlu berdepan dengan rejim Asad dengan penentangan bersenjata dan bukan dengan cara diplomasi. Pada peringkat awal mereka berjaya membebaskan seorang pemuda dari penjara. Mereka kemudiannya melakukan pembunuhan barisan kepimpinan tentera Asad. Asad tidak mengetahui siapakah yang melakukan pembunuhan. Adakah anggota *al-Ikhwān*, musuh dalaman beliau sendiri atau dari parti *al-Jabhah al-Taḡaddumīyyah* yang terdiri dari golongan sosialis dan komunis?

Pembunuhan rahsia dilaksanakan oleh *al-Ṭalī'ah al-Muqātilah al-Ikhwān al-Muslimīn* sejak 1976-1979 tanpa mendapat bantuan dari *al-Ikhwān*. *al-Ikhwān* Syria di bawah pimpinan 'Adnān Sa'd al-Dīn hanya mengambil pendirian melakukan penentangan bersenjata pada tahun 1978 bersama-sama *al-Ṭalī'ah al-Muqātilah*.¹¹⁷

Menurut Maḥmud al-Ḥāmid, beliau menjadi orang tengah antara *al-Ikhwān* dengan *al-Ṭalī'ah al-Muqātilah* apabila berlaku perselisihan antara dua pihak pada tahun 1979. Beliau mendapati perselisihan berpunca dari salah faham di antara *al-Ṭalī'ah al-Muqātilah* yang bergerak di Syria dengan pimpinan *al-Ikhwān* dalam buangan termasuklah Sa'īd Ḥawwā. Salah faham ini berterusan sehinggalah konfrontasi berakhir pada 1982 apabila pemerintah berjaya

¹¹⁶ Pasukan ini terdiri daripada pemuda-pemuda yang membentuk gerakan bersenjata di Syria. Kebanyakan operasi-operasi yang berlaku di Syria sepanjang tempoh 1976-1979 dijalankan oleh pasukan ini di luar arahan kepimpinan *al-Ikhwān al-Muslimūn*. Mereka mendukung pemikiran yang dibawa oleh Marwān al-Ḥadīd. Sila lihat: Aḥmad al-Jawwād, "Nubdhah 'an Ḥarākah al-Ṭalī'ah."

¹¹⁷ Temubual penulis Maḥmud al-Ḥāmid 19 April 2000.

menangkap beberapa orang pemimpin *al-Talī'ah al-Muqātilah* dan berlakunya tragedi Ḥamāh 1982.¹¹⁸

3.8 Penglibatan Dalam kepemimpinan al-Ikhwān Syria 1979-1982

Sebaik sahaja beliau dibebaskan dari penjara, Sa'īd Ḥawwā meninggalkan Syria dan menetap di Jordan atas nasihat pemimpin al-Ikhwān. 'Adnān Sa'd al-Dīn yang merupakan Murāqib al-'Ām al-Ikhwān Syria telah mengajak beliau untuk menyertai kepimpinan Tanẓīm al-Ikhwān Syria. Ketika itu organisasi al-Ikhwān mula bergerak di luar Syria. Beliau terus berada dalam organisasi al-Ikhwān al-Muslimūn sehingga 1982 iaitu selepas berlakunya tragedi Ḥamāh. Menurut Sa'īd Ḥawwā semasa beliau memegang kepimpinan al-Ikhwān, terdapat beberapa peranan yang dimainkan oleh gerakan al-Ikhwān al-Muslimūn iaitu:

- a)Memulihkan hubungan dalaman Ikhwān al-Muslimūn
- b)Mengukuhkan organisasi
- c)Menguatkan hubungan dengan pendukung yang berada diluar.
- d)Membantu mereka yang ditahan atau dikehendaki oleh pemerintah serta memberi perlindungan kepada keluarga mereka.
- e)Memberi sumbangan kewangan.¹¹⁹

Sepanjang penglibatan dalam al-Ikhwān al-Muslimūn Syria, Sa'īd Ḥawwā memainkan peranan dalam bidang penulisan dan penerbitan. Buletin al-Nadhīr yang diterbitkan mulai 1979 diberi nama oleh beliau.¹²⁰ Beliau turut menyumbang tenaga dalam penulisan sebahagian dari kandungan buletin tersebut. Beliau terus

¹¹⁸ Temubual penulis Mahmud al-Ḥāmid di ' Abdūn, Amman pada 19 April 2000.

¹¹⁹ Sa'īd Ḥawwā(1988d), *op.cit.*, hal.141.

¹²⁰ Sālim al-Hilālī(1983), *Muallafāt Sa'īd Ḥawwā Dirāsah wa Taqwīm*, Amman: T.P, hal.137, Itzhak Weismann(1993), *op.cit.*, hal.619.

menulis di dalam buletin tersebut sehingga ke akhir hayat walaupun beliau telah meletakkan jawatan dari al-Ikhwān sejak 1984.

Buletin *al-Nadhīr* yang merupakan lidah rasmi al-Ikhwān mula diterbitkan pada 31 Ogos 1979. *al-Nadhīr* menjadi sumber penting dalam menjelaskan perkembangan gerakan Islam di Syria serta penindasan rejim Asad. *al-Nadhīr* di dalam setiap keluarannya melaporkan operasi dan perkembangan di Syria mengikut prosedur kewartawanan.¹²¹

Selain daripada terlibat dalam aktiviti-aktiviti di atas Sa'īd Ḥawwā turut melakukan beberapa aktiviti dakwah yang lain seperti:

(a) Mengasaskan Madrasah *ʿĪdāḍ al-Muwajjihīn*.

Salah satu aktiviti yang dilakukan oleh Sa'īd Ḥawwā semasa di Jordan ialah menubuhkan *Madrasah ʿĪdāḍ al-Muwajjihīn*. Sa'īd Ḥawwā menerapkan tiga unsur penting iaitu pengajian agama, pembentukan sahsiah dan kemahiran berdakwah melalui madrasah ini. Beliau telah mengumpulkan warganegara Syria yang berada di Jordan. Mereka menjalani latihan selama dua minggu di dalam dua bilik khas yang disewa. Sepanjang tempoh itu, peserta didedahkan dengan pelajaran ringkas dalam beberapa disiplin ilmu seperti Tilawah, Ulum al-Quran, Ulum Hadith, Aqidah, al-fiqh, Uṣūl al-Thalāthah, Pedagogi, Pengurusan keluarga, Ilmu bahasa, Sejarah Islam dan Ḥadīr al-ʿĀlamī al-Islāmī.¹²²

¹²¹ Dr. Umar F. Abd-Allah (1983), *op.cit.*, hal. 86.

¹²² Sa'īd Ḥawwā (1988d), *op.cit.*, hal. 145.

(b) Menjalinkan Hubungan dengan Ulama Tempatan.

Selain daripada menjalankan aktiviti politik dan ilmiah, Sa'īd Ḥawwā turut menjalinkan hubungan dengan ulama tempatan. Beliau telah berusaha mengumpul ulama-ulama dan mengadakan pertemuan berkala di *Dār al-Fiqh wa al-Ḥadīth*. Mereka membincangkan persoalan-persoalan dakwah, penyebaran ilmu, menyeru kepada makruf dan menentang kemungkaran dalam pertemuan tersebut. Antara mereka yang hadir dalam pertemuan ini ialah Muḥammad 'Ādil Syarīf, Ḥassan Razzūq, 'Abd al-Qadīr 'Īsa dan Wahbī al-Ghāwujī.¹²³

3.9 Penglibatan Dalam *al-Jabhah al-Islāmiyyah*

Pada 1980, semasa berlakunya konflik Regim Asad dengan golongan Islam, Sa'īd Ḥawwā merupakan antara individu penting dalam pengasasan *al-Jabhah al-Islāmiyyah*.

al-Jabhah al-Islāmiyyah diasaskan pada Oktober 1980. Idea tentang pertubuhan di atas wujud sejak tahun 1979. *al-Jabhah al-Islāmiyyah* merupakan kombinasi pelbagai pertubuhan Islam. al-Ikhwān al-Muslimūn bertindak sebagai tulang belakang *al-Jabhah al-Islāmiyyah* dan disokong oleh pergerakan Islam yang lain seperti *Jamā'at al-Hady al-Islāmiyyah*, ulama-ulama bebas, beberapa *tariqat* sufiah¹²⁴ dan *Jamā'ah Abū Dharr*.¹²⁵ Penubuhan *al-Jabhah al-Islāmiyyah* bertujuan menggabungkan pendukung-pendukung gerakan Islam untuk

¹²³ Temubual penulis dengan Nāṣir Muṣṭafā al-Idlibī di Ḥayy Nazzāl, Amman pada 7 Februari 2000.

¹²⁴ Musā Ibrāhīm Āl Ibrāhīm (1997), *al-Fiqh al-Ḥarakī fī al-'Amal al-Islāmī al-Mu'āṣir. Dirāsah Ta'ālīyyah Naqdiyyah*, Amman: Dār 'Ammār wa Dār al-Bayāriq, hal. 413.

¹²⁵ Dr. Umar F. Abd-Allah (1983), *op.cit.*, hal. 124.

menghadapi rejim Asad. Dalam temuramah khas yang diadakan oleh majalah *al-Mujtama'*, *Amīn al-Ām* (Setiausaha) Muḥammad Abū Naṣr al-Bayānūnī¹²⁶ menyebut:

"Pertubuhan ini dibina di atas asas kerjasama kumpulan-kumpulan Islam untuk mencapai matlamat Islam iaitu mendirikan hukum Allah di muka bumi.

Antara matlamat pertubuhan ini:

(a) Mempertahankan bahaya yang dihadapi oleh umat Islam dan warganegara Syria.

(b) Menghentikan suasana yang tidak stabil, mendirikan pemerintahan Islam yang memberikan kebahagiaan dan kebebasan kepada setiap warganegara.

(c) Membentuk polisi politik yang diterima oleh semua pihak.

(d) Menyatukan tenaga Islam di dalam satu pergerakan.¹²⁷

Antara penggerak utama *al-Jabḥah al-Islāmiyyah* ialah 'Adnān Sa'd al-Dīn dan Sa'īd Ḥawwā. Pemimpin-pemimpin lain pertubuhan dirahsiakan supaya mereka dapat bergerak aktif. Nama 'Adnān Sa'd al-Dīn, Muḥammad Abū Naṣr al-Bayānūnī dan Sa'īd Ḥawwā didedahkan kerana mereka terkenal sebagai penentang rejim Asad.¹²⁸

Pada 9 November 1980, *al-Jabḥah al-Islāmiyyah* mengeluarkan satu kenyataan panjang yang mengandungi strategi umum pergerakan. Judul kenyataan ini ialah *Bayān al-Thawrah al-Islāmiyyah fī Sūriyah wa*

¹²⁶ Beliau merupakan seorang alim yang datang daripada keluarga ulama di Ḥalab. Beliau dilahirkan pada tahun 1944. Datuknya syaikh 'Isā al-Bayānūnī memberi didikan agama kepada beliau. Bapanya syaikh Aḥmad 'Izz-Dīn al-Bayānūnī juga terkenal sebagai seorang alim. Beliau melanjutkan pengajian agamanya di *Ma'had al-Ilm al-Syar'ī* di Ḥalab. Beliau memperolehi ijazah Syariaḥ di Universiti Damsyik. Beliau dan bapanya merupakan anggota *Rābiṭah al-'Ulāmā'* yang diasaskan pada tahun 1946. Selepas bapanya meninggal dunia, beliau mengambil alih tempat bapanya mengajar di Masjid Abū Hurayrah di Ḥalab. Begitu juga beliau menjadi ketua *Jamā'ah Abū Dharr* selepas kematian bapanya. Sila lihat: Dr. Umar F. Abd-Allah (1983), *op.cit.*, hal. 123-124.

¹²⁷ Muḥammad Abū Naṣr al-Bayānūnī (1980), "Ma'a Amīn al-Ām al-Jabḥah al-Islāmiyyah", *al-Mujtama'*, bil. 507, 16 Disember 1980, hal. 29.

¹²⁸ Dr. Umar F. Abd-Allah (1983), *op.cit.*, hal. 124.

Manāhijuhā.¹²⁹ Sa'īd Ḥawwā adalah salah seorang antara tiga tokoh yang menandatangani kenyataan *al-Jabhah al-Islāmiyyah* yang berjudul *Bayān al-Thawrah al-Islāmiyyah fī Sūriyā*.¹³⁰ Sa'īd Ḥawwā terus aktif dalam pertubuhan tersebut sehingga 14 Mac 1987 apabila beliau mengundurkan diri sepenuhnya daripada kegiatan al-Ikhwān atas nasihat doktor.

3.10 Sa'īd Ḥawwā dan Tragedi Ḥamāh 1982.

Sa'īd Ḥawwā merupakan sahsiah penting dalam tragedi Ḥamāh 1982. Beliau yang baru sahaja memikul tanggung jawab *Mas'ūl 'Askarī* tidak berdiam diri. Beliau bersama pemimpin al-Ikhwān yang lain mengumpul pendukung-pendukung al-Ikhwān yang berada di negara Teluk, Jordan, Iraq, Mesir, negara Eropah dan Amerika ke satu kem tentera di Iraq. Mereka diberi latihan ketenteraan bagi membantu mangsa-mangsa di Ḥamāh. Memandangkan persediaan dan yang tidak cukup dan mengambil kira pendapat pimpinan al-Ikhwān yang lain, Sa'īd Ḥawwā mengambil keputusan untuk menghentikan rancangan penghantaran pemuda-pemuda tersebut ke Ḥamāh kerana bilangan mereka yang terkorban akan bertambah. Mereka memutuskan untuk mengatur strategi baru.¹³¹

¹²⁹ Kenyataan tersebut dicetak dua tahun selepas pengisytiharan *al-Jabhah al-Islāmiyyah*. Sa'īd Ḥawwā, et al., (1982), *Bayān al-Thawrah al-Islāmiyyah fī al-Sūriyyah wa Manāhijuhā*. T.T, T.T.P.

¹³⁰ Kenyataan ini menjelaskan pendirian *al-Jabhah al-Islāmiyyah* terhadap isu-isu dalaman Syria seperti ekonomi, politik dan sosial. Kenyataan juga menjelaskan pendirian *al-Jabhah al-Islāmiyyah* terhadap isu-isu antarabangsa seperti isu Palestin. Sila lihat: Sa'īd Ḥawwā et al., (1982), *Bayān al-Thawrah al-Islāmiyyah fī al-Sūriyyah wa Manāhijuhā*. T.P, T.T.P.

¹³¹ Temubual penulis dengan Dr. Ahmad al-Jawwād pada 21 Februari 2000, Temubual dengan Mahmūd al-Hāmid pada 19 April 2000, Temubual penulis dengan Muḥammad Sa'īd Ḥawwā pada 28 April 2000.

Selepas Tragedi Hamāh, Majlis Syūrā al-Ikhwān bermesyuarat membincangkan punca dan implikasi tragedi. Sa'īd Hawwā dalam mesyuarat tersebut menjadikan dirinya sebagai kambing hitam. Beliau mengambil tanggung jawab sepenuhnya terhadap kejadian tersebut. Beliau meletakkan jawatannya dalam kepimpinan al-Ikhwān dan seterusnya meninggalkan mesyuarat tersebut.¹³² Beliau bertindak demikian kerana beliau berpandangan bahawa kepentingan jemaah lebih utama daripada kepentingan peribadi. Beliau lebih rela melepaskan jawatan daripada melihat al-Ikhwān Syria menghadapi masalah.¹³³ Malangnya sikap bertanggung jawab yang ada pada Sa'īd Hawwā menyebabkan pihak lain terlepas diri atas kejadian yang berlaku.¹³⁴

Aḥmad al-Jawwād merupakan salah seorang individu yang tidak bersetuju dengan keputusan Sa'īd Hawwā meletakkan jawatan kerana menurutnya individu yang berada di sekelilingnya tidak dapat menilai pengorbanan yang dilakukan oleh beliau. Sangkaan Aḥmad al-Jawwād menjadi kenyataan selepas itu apabila tuduhan demi tuduhan dilemparkan kepada Sa'īd Hawwā sedangkan beliau tidak bersalah.¹³⁵ Penulis berpendapat tanggungjawab tragedi Hamāh sepatutnya dipikul oleh seluruh kepimpinan al-Ikhwān pada masa itu bukannya Sa'īd Hawwā secara persendirian.

¹³² Temubual penulis dengan Dr. Aḥmad al-Jawwād pada 21 Februari 2000, Temubual penulis Maḥmūd al-Ḥāmid pada 19 April 2000, Temubual dengan Fāris al-Millī pada 29 April 2000.

¹³³ Temubual penulis dengan Dr. Aḥmad al-Jawwād pada 21 Februari 2000.

¹³⁴ Petikan ucapan Dr. Muḥammad Sa'īd Hawwā sempena majlis memperingati kewafatan Sa'īd Hawwā pada 7 Mac 2000. Temubual dengan Muḥammad Sa'īd Hawwā pada 28 April 2000. Temubual dengan Maḥmūd al-Ḥāmid pada 19 April 2000.

¹³⁵ Temubual penulis dengan Dr. Aḥmad al-Jawwād pada 21 Februari 2000.

Fāris al-Millī turut berpandangan bahawa pendirian Sa 'īd Ḥawwā yang sanggup memikul tanggungjawab dalam peristiwa-peristiwa yang getir seperti krisis perlembagaan 1973 dan tragedi Ḥamāh 1982 hanya mampu dilakukan oleh pemimpin yang berkaliber.¹³⁶

3.11 Sa 'īd Ḥawwā dan *al-Taḥāluf al-Waṭanī Li Taḥrīr Sūriyā*

Beberapa hari selepas berakhirnya tragedi Ḥamāh iaitu pada 11 Mac 1982, satu perjanjian dimeterai antara pihak pembangkang atas nama *al-Taḥāluf al-Waṭanī li Taḥrīr Sūriyā*. Mereka terdiri daripada gabungan 19 kumpulan yang datang dari pelbagai aliran pemikiran politik yang menentang rejim Asad termasuklah al-Ikhwān al-Muslimūn dan *al-Jabhaḥ al-Islāmīyyah*. Keputusan al-Ikhwān menyertai al-Taḥāluf adalah dengan persepakatan anggota *Hay'ah Ta'sisiyyah* dalam *al-Jabhaḥ al-Islāmīyyah*.

Perjanjian *Mithāq al-Taḥāluf al-Waṭanī li Taḥrīr Sūriyā* mengandungi artikel berikut:

1. Usaha berterusan untuk menjatuhkan kerajaan diktator dengan menggunakan segala pendekatan politik, media massa dan mendapatkan sokongan awam sehinggalah tercapai matlamat ini. Pendekatan utama ialah penentangan bersenjata.
2. Membicarakan kesalahan pemerintah terhadap rakyat dan negara. di mahkamah
3. Membentuk kerajaan sementara yang berfungsi menjatuhkan kerajaan yang ada. Seterusnya berusaha seberapa segera mengadakan pilihanraya *Majlis Ta'sisī* dengan tujuan membentuk undang-undang yang berdaulat di negara.
4. Islam sebagai agama rasmi dan melaksanakan undang-undang Islam yang merupakan warisan ketamadunan orang Arab, Islam dan manusia keseluruhannya. (Undang-undang) yang tidak menyentuh hak asasi

¹³⁶ Temubual penulis dengan Fāris al-Millī di Mu'assasah al-Bārādī berhadapan dengan University of Jordan pada 29 April 2000

orang bukan Islam dari segi kepercayaan. Mereka diberi kebebasan untuk melaksanakan undang-undang khas mereka.

5. Memberi jaminan kebebasan kepada setiap warganegara termasuklah kebebasan beragama, kebebasan berfikir, kebebasan berhimpun dan membentuk parti politik.

6. Mengatur semula ketenteraan Syria dan badan-badan kerajaan dengan ikhlas berdasarkan kelayakan yang akan mengembalikan kesatuan di Syria.

7. Menyelesaikan kegawatan ekonomi dan membina semula ekonomi Syria dengan memerangi sebarang bentuk penyelewengan seperti mencuri harta negara dan rasuah. Memanggil golongan profesional yang berada di luar untuk turut serta membangunkan ekonomi negara.

8. Menyelamatkan golongan pekerja, petani dan orang miskin daripada menjadi mangsa penindasan pemerintah serta membantu mereka dalam meningkatkan taraf hidup.

9. Mengkaji semula sukatan pelajaran dan menilai pusat-pusat pengajian serta badan-badan kerajaan yang akan menyelamatkan negara daripada kemunduran.

10. Memberi ganti rugi kepada keluarga mangsa yang terkorban sepanjang konfrontasi dengan pemerintah.

11. Meyakini sepenuhnya tentang tanggungjawab membebaskan Palestin daripada penjajahan Yahudi dan sebarang bentuk imperialis. Menggunakan segala tenaga kemanusiaan, ketenteraan dan politik untuk membebaskan Palestin.

12. Memberi sokongan ketenteraan kepada *Munazzamah al-Tahrir al-Filasṭīniyyah* demi mencapai matlamat penduduk Arab Palestin yang inginkan kemerdekaan.

13. Berusaha bersungguh-sungguh ke arah menyatukan Arab.

14. Memberikan komitmen dalam menjalinkan hubungan dengan negara-negara Arab dan mengerahkan sepenuh tenaga mempertahankan negara-negara Arab.

15. Menjalinkan hubungan dengan dunia Islam seperti hubungan antara negara dan hubungan dengan pertubuhan-pertubuhan yang memberi kekuatan kepada Islam...¹³⁷

Sa 'id Ḥawwā adalah antara tokoh al-Ikhwān Syria yang hadir dalam pertemuan pertama *al-Taḥālūf al-Waṭanī li Tahrīr Sūriyā* yang diadakan di Amman, Jordan. Antara tokoh-tokoh lain yang turut serta dalam pertemuan tersebut ialah Dr. Ḥasan Huwaydī, 'Adnān Sa'd al-Dīn, 'Alī al-Bayānūnī, 'Abd Allāh al-Ṭanṭāwī, Khālīd al-Ḥakīm, Nasīm al-Safarjila dan 'Abd al-Ḥaq Syahadah.

¹³⁷ 'Umar 'Abd al-Ḥakīm (1987), hal. 107-108.

Menurut 'Abd Allāh al-Taṭāwī, Sa'īd Ḥawwā merupakan salah seorang individu yang kuat menyokong penglibatan al-Ikhwān Syria dalam *al-Taḥāluf al-Waṭani li Tahrīr Sūriyā*. Beliau telah menghadiri beberapa pertemuan *al-Taḥāluf al-Waṭani li Tahrīr Sūriyā* yang diadakan di Baghdad. Sa'īd Ḥawwā bersama-sama beberapa tokoh al-Ikhwān Syria seperti 'Abd al-Fattāh Abū Ghuddah, Dr. Ḥasan Huwaydī, 'Adnān Sa'd al-Dīn dan 'Alī al-Bayānūnī dilantik sebagai anggota *Hay'ah Ta'sīsīyyah, al-Taḥāluf al-Waṭani li Tahrīr Sūriyā*.

Namun begitu selepas satu tahun terlibat dalam pertubuhan tersebut, Sa'īd Ḥawwā mengundurkan dirinya dari *al-Taḥāluf al-Waṭani li Tahrīr Sūriyā* kerana dua faktor iaitu faktor agama dan faktor politik. Faktor agama ialah sebahagian anggota *al-Taḥāluf al-Waṭani* tidak menunaikan solat dan minum arak, manakala faktor politik beliau tidak mahu terlibat dengan peperangan Iran-Iraq kerana golongan al-Ba'th¹³⁸ yang turut serta dalam *al-Taḥāluf al-Waṭani* menjadi penyokong kepada Iraq manakala Asad menjadi penyokong kepada Iran.

Tindakan yang diambil oleh Sa'īd Ḥawwā tepat sekali kerana penglibatan dalam *al-Taḥāluf al-Waṭani* tidak memberi apa-apa faedah kepada al-Ikhwān Syria setelah 'Abd al-Ḥaq Syahādah mendedahkan risalah berkenaan kenyataan Misyīn 'Aflaq.¹³⁹ Beliau yang merupakan salah seorang yang terlibat dalam *al-Taḥāluf al-Waṭani* menyatakan bahawa mereka hanya mempermainkan

¹³⁸ Golongan Ba'th di sini ialah golongan yang berpaling tadah dari Hafiz Asad dan berada dalam buangan.

¹³⁹ Misyīn 'Aflaq merupakan pengasas *Ḥizb al-Ba'th* Syria.

al-Ikhwān supaya berlaku pertembungan antara al-Ikhwān dengan Asad. Apabila kedua-dua pihak menjadi lemah mereka akan mendominasi keadaan.¹⁴⁰

3.12 Madrasah *Ihyā' al-Rabbānī*.

Semasa berada dalam buangan, Sa'īd Ḥawwā mengasaskan halakah ilmu di atas nama *Ihyā' al-Rabbānī*. Madrasah *Ihyā' al-Rabbānī* dilaksanakan oleh Sa'īd Ḥawwā sebagai mengisi kekosongan setelah beliau meletakkan jawatan dalam al-Ikhwān Syria pada tahun 1982.¹⁴¹

Aktiviti yang dijalankan ini telah menimbulkan kontroversi sesetengah pihak. Menurut Dr. Muḥammad Ḥawwā pemikiran Madrasah *Ihyā' al-Rabbānī* timbul apabila Sa'īd Ḥawwā melihat beberapa kekurangan yang terdapat dalam pertubuhan Islam kontemporari. Memandangkan kekurangan yang terdapat dalam pertubuhan Islam semasa, beliau mengemukakan idea penubuhan Madrasah *Ihyā' al-Rabbānī* berasaskan prinsip *da'mil mawjūd wa ijād al-Mafqūd* iaitu mengukuhkan kebaikan yang ada serta menampung kekurangan yang berlaku.¹⁴²

Menurutnya lagi sesetengah pihak menganggap Sa'īd Ḥawwā menubuhkan organisasi baru sebagai ganti kepada al-Ikhwān al-Muslimūn. Pandangan ini tidak berasas dan ditolak kerana Sa'īd Ḥawwā tidak pernah terfikir untuk keluar daripada al-Ikhwān bahkan ianya merupakan satu taktik untuk mengukuhkan

¹⁴⁰ Temuramah penulis dengan 'Abd Allāh al-Taṭāwī pada 29 Mac 2002.

¹⁴¹ Temubual penulis dengan Dr. Aḥmad al-Jawwād pada 21 Februari 2000.

¹⁴² Petikan ucapan Dr. Muḥammad Sa'īd Ḥawwā sempena majlis memperingati kewafatan Sa'īd Ḥawwā pada 7 Mac 2000.

lagi organisasi al-Ikhwān.¹⁴³ Antara kata-kata Sa'īd Ḥawwā yang menyokong fakta ini ialah :

"كَانَ هَوِيَّتُنَا وَوَطَنُنَا الْأَخْوَانُ الْمُسْلِمِينَ" ¹⁴⁴ dan "حَيَاتِي وَوُجُودِي فِي الْإِخْوَان" ¹⁴⁵.

Sebahagian yang lain pula kagum dengan program al-Ihyā' al-Rabbānī yang diadakan oleh Sa'īd Ḥawwā. Diantaranya ialah Aḥmad al-Jawwād, Nāṣir Muṣṭafā al-Idlibī ¹⁴⁶, Dr. Yāsīn al-Ṭabbā' ¹⁴⁷ dan Ṣafwah al-Junaydī ¹⁴⁸.

3.13 Kesimpulan

Sa'īd Ḥawwā salah seorang tokoh al-Ikhwān Syria yang memainkan peranan penting dalam perkembangan politik Syria. Penglibatan beliau bermula sebagai ahli biasa, pemimpin al-Ikhwān di kalangan pelajar di Ḥamāh dan universiti serta menjadi anggota kepimpinan al-Ikhwān di Markaz Ḥamāh. Selepas dibebaskan dari penjara, Sa'īd Ḥawwā menjadi anggota kepimpinan al-Ikhwān Syria di bawah pimpinan 'Adnān Sa'd al-Dīn (1979-1982). Semasa dalam organisasi *al-Ikhwān al-Muslimūn* Syria beliau pernah memegang

¹⁴³ Petikan ucapan Dr. Muḥammad Sa'īd Ḥawwā sempena majlis memperingati kewafatan Sa'īd Ḥawwā pada 7 Mac 2000. Temubual penulis dengan Dr. Aḥmad al-Jawwād pada 21 Februari 2000.

¹⁴⁴ Temubual penulis dengan Ṣafwah al-Junaydī pada 27 Februari 2000.

¹⁴⁵ Temubual penulis dengan Amīr Zakīyyah pada 27 Februari 2000.

¹⁴⁶ Temubual penulis dengan Nāṣir Muṣṭafā al-Idlibī di Ḥayy Nazzāl, Amman pada 7 Februari 2000. Beliau adalah salah seorang yang terlibat secara langsung dengan program ini. Beliau telah memperolehi ijazah bertulis dari Sa'īd Ḥawwā.

¹⁴⁷ Temubual dengan Dr. Yāsīn al-Ṭabbā' di Ḥayy Abū Hurayrah pada 23 Mac 2000.

¹⁴⁸ Ṣafwah al-Junaydī dan Dr. Yāsīn al-Ṭabbā' juga merupakan individu yang terlibat secara langsung dalam *Ihyā' al-Rabbānī*. Temubual dengan Ṣafwah al-Junaydī di Markā al-Syīmāliyyah pada 27 Februari 2000. Penulis akan membincangkan teori perkaderan dakwah melalui Madrasah Ihyā' al-Rabbānī dalam bab empat. Sila rujuk hal. 178-185 dari kajian ini.

beberapa jawatan seperti *Mas'ul al-Tarbawī*, *Mas'ul al-Siyāsī* dan *Mas'ul al-'Ilāmī*. Jawatan terakhir beliau dalam *al-Ikhwān al-Muslimūn* Syria ialah *Mas'ul al-'Askarī* iaitu kira-kira empat puluh hari sebelum berlakunya tragedi Ḥamāh 1982. Selepas tragedi Ḥamāh beliau meletakkan jawatan dari kepimpinan *al-Ikhwān* Syria.¹⁴⁹

Sa'īd Ḥawwā berperanan dalam peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah Syria seperti tragedi Jāmi' al-Sulṭān 1964, krisis perlembagaan 1973 dan tragedi Ḥamāh 1982. Sa'īd Ḥawwā juga memainkan peranan penting dalam krisis kepimpinan *al-Ikhwān* Syria 1969-1970 dan 1986.

Selepas melepaskan jawatan, sekali lagi *al-Tanzīm al-'Ālamī al-Ikhwān al-Muslimūn* telah memilihnya sebagai anggota *Majlis Syurā al-'Ām*. Beliau menolak perlantikan tersebut dengan alasan beliau mempunyai musuh yang ramai tetapi alasannya ditolak.¹⁵⁰ Beliau terus berada dalam organisasi *al-Tanzīm al-'Ālamī al-Ikhwān al-Muslimūn* sepanjang 1982-1984. Pada 1984, beliau sekali lagi meletakkan jawatan kerana tidak berpuas hati dengan keputusan *al-Ikhwān* menyekat bantuan kepada mangsa tekanan rejim Asad yang berada di luar Syria.¹⁵¹ Beliau menyebut selepas pengunduran tersebut:

" Seseorang manusia itu sukar untuk bekerja dalam keadaan ia marah dan saya tidak tahu apakah kemarahan saya ini mungkin kerana tekanan penyakit dan juga satu ujian rabbani daripada Allah."¹⁵²

¹⁴⁹ Petikan ucapan Dr. Muḥammad Sa'īd Ḥawwā sempena majlis memperingati kewafatan Sa'īd Ḥawwā pada 7 Mac 2000.

¹⁵⁰ Tamām Barāzī (1989), *op.cit.*, hal. 26.

¹⁵¹ Sa'īd Ḥawwā (1988d), *op.cit.*, hal. 149.

¹⁵² Sa'īd Ḥawwā (1988d), *op.cit.*, hal. 150.

Mahmūd al-Ḥāmid melihat tindakan Sa'īd Ḥawwā meletakkan jawatan dari kepimpinan al-Ikhwān sebagai tindakan yang wajar kerana beberapa faktor. Pertama anggota majlis Syura yang baru dilantik kebanyakannya terdiri dari mereka yang tidak terlibat secara langsung dengan konflik di dalam Syria. Mereka telah lama menetap di Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu, Eropah dan Amerika. Mereka tidak dapat berbuat apa-apa kerana konfrontasi telah berakhir. Faktor kedua ialah dengan pengunduran dari jawatan tersebut Sa'īd Ḥawwā selamat dari pelbagai tuduhan dan tanggungjawab dan dapat memberi bimbingan kepada al-Ikhwān dan orang awam.¹⁵³

Walaupun tidak memegang sebarang jawatan dalam al-Ikhwān, beliau masih memberi bimbingan dan nasihat kepada pendukung al-Ikhwān yang berada dalam buangan serta memberi bantuan kewangan dan tempat tinggal kepada mereka sehingga 14 Mac 1987.¹⁵⁴ Beliau mengundurkan diri sepenuhnya daripada kegiatan al-Ikhwān atas nasihat doktor yang merawatnya di *Mustasyfā al-Islāmī*, Jordan. Beliau menghabiskan masanya dengan memberi nasihat dan menulis. Beliau meneruskan aktiviti tersebut sehinggalah beliau di masukkan ke *Mustasyfā al-Islāmī*, Amman pada 14 Disember 1988.

¹⁵³ Temubual dengan Mahmūd al-Ḥāmid di ' Abdūn, Amman pada 19 April 2000.

¹⁵⁴ Temubual dengan Mahmūd al-Ḥāmid di ' Abdūn, Amman pada 19 April 2000.

Peranan dan kedudukan Sa'id Hawwā dalam al-Ikhwān Syria dapat disimpulkan dengan kenyataan yang disebut oleh 'Abd Allāh al-Tantāwī.

Menurut beliau :

" Sa'id Hawwā seorang yang sentiasa memikirkan kepentingan Jemaah. Tidak kira di mana beliau berada, sama ada ketika menjadi pemimpin al-Ikhwān di universiti, semasa menulis *manhaj* al-Ikhwān Syria, ketika menerajui kepimpinan al-Ikhwān di Hamāh atau menjadi masu'l dalam majlis Syura dan kepimpinan al-Ikhwān Syria beliau terkenal sebagai seorang yang aktif. Pemergian beliau telah memberi kesan mendalam kepada al-Ikhwān Syria. Sa'id Hawwā adalah sayap kanan pergerakan al-Ikhwān."¹⁵⁵

Berdasarkan fakta-fakta yang telah dikemukakan penulis dapat membuat kesimpulan bahawa Sa'id Hawwā merupakan seorang tokoh pemikir yang berperanan dalam setiap isu-isu penting dalam al-Ikhwān Syria seperti masalah dalaman. Nama beliau sentiasa terserlah dalam peristiwa-peristiwa penting dalam pergolakan politik Syria seperti tragedi Jāmi' al-Sultān 1964, Krisis Perlembagaan 1973 dan tragedi Hamāh 1982. Kematian Sa'id Hawwā merupakan satu kehilangan besar yang memberi kesan yang mendalam kepada al-Ikhwān Syria.

¹⁵⁵ Temuramah penulis dengan 'Abd Allāh al-Tantāwī pada 29 Mac 2002.